



KEMENTERIAN KEWANGAN



TINJAUAN EKONOMI

2024

E K O N O M I M A D A N I : M E M P E R K A S A R A K Y A T

Tinjauan Ekonomi 2024

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiasaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks : 03-88823881
e-mel : fed@treasury.gov.my

Tinjauan Ekonomi diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.


Edisi 2024 diterbitkan pada 13 Oktober 2023.

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:
www.pnmb2u.com

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2023
www.printnasionaI.com.my
email: cservice@printnasionaI.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Ekonomi global terus mengharungi persekitaran yang penuh dengan cabaran sejak pandemik COVID-19. Ketegangan geopolitik yang kian meruncing dan pengetatan dasar monetari yang berterusan bagi menangani inflasi, telah meningkatkan lagi risiko kelembapan ekonomi global. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketidaktentuan ekonomi utama seterusnya memberikan kesan kepada negara membangun serta kelemahan dalam kedinamikan perdagangan berikutan gangguan rantai bekalan dan ketegangan perdagangan yang berlanjutan.

Malaysia turut terkesan dengan perkembangan global tersebut selaras dengan sistem ekonomi dan kewangan negara yang terbuka. Kepelbagaian struktur ekonomi Malaysia dan keutuhan asas yang dibina atas jerih perih dan keringat rakyat selama ini telah meningkatkan daya tahan dan menempatkan negara di landasan pertumbuhan yang stabil. Faktor positif ini yang disokong oleh kekukuhan dasar dan pelan tindakan bertunjangan kerangka Ekonomi MADANI. Pelaksanaan langkah dan inisiatif pragmatik berterusan yang ditetapkan oleh Kerajaan akan memastikan ekonomi kita terus teguh dan kekal berdaya tahan.

Meskipun sektor luar kekal penting, namun pertumbuhan ekonomi semakin didorong oleh permintaan domestik. Inflasi negara yang terkawal, keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, rizab asing yang kukuh, lebihan akaun semasa dan tabungan negara yang tinggi serta kepesatan sektor kewangan dan pasaran modal yang teguh, terus mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. Walaupun berdepan kelembapan ekonomi global, namun Malaysia berjaya merekodkan pertumbuhan 4.2% pada separuh pertama 2023 dan dijangka mencatat sekitar 4% bagi keseluruhan 2023.

Kejayaan dalam melakar pertumbuhan ekonomi dan menangani krisis tidak akan dapat dikecapi tanpa pengorbanan dan dedikasi rakyat. Kerajaan kekal komited dalam memastikan semua rakyat dapat menikmati hasil kekayaan dan kemakmuran negara

melalui pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Menyedari hakikat ini, kerangka "Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat" dibangunkan dengan matlamat utama untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerangka ini akan menjadi asas kepada dasar-dasar yang baru diumumkan menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 serta Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Justeru, Kerajaan optimis dapat mencapai tujuh sasaran yang dihasratkan dalam tempoh sepuluh tahun akan datang. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara pada kadar yang diunjurkan iaitu antara 4% hingga 5% pada 2024.

Kesejahteraan rakyat akan terus menjadi tumpuan dan keutamaan Kerajaan. Kemakmuran negara seharusnya memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, penting untuk memastikan pengagihan kekayaan ekonomi negara dilaksanakan secara adil dan saksama dengan memberikan keutamaan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik dan pendidikan yang berkualiti untuk seluruh rakyat Malaysia. Dalam konteks guna tenaga dan upah, gaji perlulah setimpal dengan produktiviti pekerja. Selain itu, penyediaan perlindungan sosial dan kemudahan awam yang lebih baik termasuk pengangkutan, bekalan air dan elektrik serta perkhidmatan jalur lebar akan mewujudkan peluang yang lebih saksama bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap disokong oleh agenda digitalisasi penting dalam memacu transformasi ekonomi. Kerajaan juga akan memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan kemampanan fiskal negara secara progresif dengan mempelbagaikan sumber hasil serta mengoptimumkan perbelanjaan bagi menangani ketirisan dan pembaziran.



Tahun 2024 dijangka akan menjadi tahun yang penuh harapan bagi Malaysia. Pelaksanaan beberapa dasar yang telah diumumkan baru-baru ini termasuk pelaksanaan projek di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, akan memperkukuh usaha Malaysia untuk menjadi ekonomi terpenting di Asia dalam masa terdekat. Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran dan perubahan struktur, namun daya tahan dan keupayaan kita untuk berinovasi mengagumkan. Ini merupakan misi kolektif rakyat Malaysia untuk terus bersatu-padu secara harmoni, mendukung perubahan dan mengutamakan strategi pertumbuhan yang mampan. Justeru, kita perlu bersama-sama melakar kejayaan pada masa hadapan dan meraih manfaat yang saksama untuk semua demi menjamin masa depan yang lebih cerah untuk Malaysia tercinta.



ANWAR IBRAHIM
13 Oktober 2023

EKONOMI NEGARA 2024

pada harga malar 2015
(bahagian kepada jumlah dalam %)



¹ Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN

LUAS KAWASAN 2020 (kilometer persegi)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia		Sarawak	Sabah	Wilayah Persekutuan ¹	
330,241	131,786		124,450	73,621	384	
	2022 ¹⁰		2023 ¹¹		2024 ¹²	
PENDUDUK² (juta)	32.7		33.4		33.7	
PENGELUARAN DALAM NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)	1,510,939	8.7	1,569,247	~ 4.0¹⁷	1,645,078	4.0 – 5.0
Pertanian	99,073	0.1	99,620	0.6	100,770	1.2
Perlombongan dan pengkuarian	96,199	2.6	95,448	-0.8	98,030	2.7
Pembuatan	364,131	8.1	369,359	1.4	384,727	4.2
Pembinaan	53,441	5.0	56,824	6.3	60,688	6.8
Perkhidmatan	881,310	10.9	930,125	5.5	981,990	5.6
Duti import	16,785	7.3	17,868	6.5	18,873	5.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)	1,791,358	15.7	1,850,102	~ 3.5¹⁷	1,974,027	6.0 – 7.0
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam	208,887	6.1	213,063	2.0	221,165	3.8
Swasta	1,031,759	14.9	1,111,748	7.8	1,204,270	8.3
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³	72,330	7.7	79,856	10.4	88,271	10.5
Swasta	253,939	9.8	269,856	6.3	290,016	7.5
Perubahan inventori dan barangan berharga	94,811	-	46,912	-	31,317	-
Eksport barangan dan perkhidmatan	1,378,452	26.0	1,272,424	-7.7	1,345,773	5.8
Import barangan dan perkhidmatan	1,248,820	27.2	1,143,757	-8.4	1,206,785	5.5
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015)	1,479,619	7.9	1,544,269	4.4	1,614,614	4.6
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)	1,731,944	14.9	1,802,983	4.1	1,915,537	6.2
Tabungan Negara Kasar (harga semasa)	476,178	18.3	458,596	-3.7	471,844	2.9
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)	52,968	14.5	54,015	2.0	56,920	5.4
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN						
	2022		2023¹³		2024¹⁴	
Hasil	294,357	25.9	303,200	3.0	307,600	1.5
Perbelanjaan mengurus	292,693	26.4	300,140	2.5	303,800	1.2
Baki semasa	1,664		3,060		3,800	
Perbelanjaan pembangunan (bersih)	70,167	10.9	96,300	37.2	89,200	-7.4
Kumpulan Wang COVID-19 ⁴	30,979	-17.9	-		-	
Baki keseluruhan	-99,482		-93,240		-85,400	
% KDNK	-5.6		-5.0		-4.3	
Pinjaman dalam negeri (bersih)	99,687		93,580		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih)	-266		-300		-	
Perubahan aset ⁵	61		-40		-	

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2022		2023		2024	
	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK
Hutang Kerajaan Persekutuan⁶	1,079,591	60.3	1,147,132	62.0	-	-
Hutang dalam negeri	1,050,078	58.6	1,117,158	60.4	-	-
Bil Perbendaharaan	31,500	1.8	34,500	1.9	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	471,300	26.3	512,800	27.7	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	538,178	30.0	564,358	30.5	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan	9,100	0.5	5,500	0.3	-	-
Pinjaman luar pesisir	29,513	1.7	29,974	1.6	-	-
Pinjaman pasaran	25,543	1.5	26,298	1.4	-	-
Pinjaman projek	3,970	0.2	3,676	0.2	-	-
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH)	2022¹⁰		2023¹¹		2024¹²	
	RM juta		RM juta		RM juta	
Imbangan akaun semasa	55,098		61,972		62,240	
Barangan	186,029		170,171		174,876	
Perkhidmatan	-56,397		-41,504		-35,888	
Pendapatan primer	-59,414		-47,119		-58,490	
Pendapatan sekunder	-15,120		-19,575		-18,258	
Imbangan akaun modal dan kewangan	11,902		-		-	
Kesilapan dan ketinggalan bersih	-13,641		-		-	
Imbangan keseluruhan	53,359		-		-	
PERDAGANGAN LUAR NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Eksport kasar	1,550,009	24.9	1,429,547	-7.8	1,501,859	5.1
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	1,304,668	22.1	1,235,167	-5.3	1,303,202	5.5
Pertanian	120,903	23.3	90,876	-24.8	92,405	1.7
Perlombongan	117,346	68.2	95,609	-18.5	98,343	2.9
Import kasar	1,293,811	31.0	1,205,339	-6.8	1,264,533	4.9
<i>antaranya:</i>						
Barangan pengantara	706,551	29.5	636,558	-9.9	669,696	5.2
Barangan modal	120,231	15.8	113,335	-5.7	119,079	5.1
Barangan penggunaan	104,017	24.0	96,462	-7.3	100,388	4.1
Jumlah dagangan	2,843,821	27.6	2,634,886	-7.3	2,766,393	5.0
Imbangan dagangan	256,198	1.0	224,208	-12.5	237,326	5.9
HARGA	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	127.2	3.3	-	2.5 - 3.0	-	2.1 - 3.6
Indeks Harga Pengeluar: Pengeluaran Tempatan (2010 = 100)	120.8	7.8	-	(2.5) - (0.5) ¹⁵	-	0.1 - 2.1
BURUH	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)
Tenaga buruh	16,022.1	1.4	16,358.6	2.1	16,669.4	1.9
Pengangguran ⁷	630.4	(3.9)	574.4	(3.5)	569.5	(3.4)

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

PASARAN KEWANGAN DAN MODAL	2022 Akhir Julai		2023 Akhir Julai	
	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Bekalan wang				
M1	602,157	9.3	594,211	-1.3
M2	2,214,012	5.4	2,291,248	3.5
M3	2,222,147	5.5	2,300,317	3.5
Sistem perbankan (termasuk bank Islam)				
Dana ⁸	2,234,007	3.9	2,313,168	3.5
Pinjaman	1,835,565	5.5	1,897,756	3.4
Nisbah pinjaman kepada dana (%)	82.2		82.0	
Kadar faedah (kadar purata, %)	Julai		Julai	
Antara bank 3 bulan	2.70		3.50	
Bank perdagangan				
Deposit tetap: 3-bulan	2.01		2.71	
12-bulan	2.20		2.89	
Deposit tabungan	0.69		0.96	
Kadar asas (BR) purata berwajaran	2.92		3.67	
Kadar pinjaman asas (BLR)	5.97		6.68	
Bil Perbendaharaan (3-bulan)	-		-	
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁹				
1-tahun	3.00		3.24	
5-tahun	3.72		3.60	
	Akhir Ogos		Akhir Ogos	
Pergerakan ringgit	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	5.8386	1.4	6.1499	-5.1
Dolar AS	4.4845	-7.0	4.6385	-3.3
Euro	4.4834	9.8	5.0410	-11.1
100 yen Jepun	3.2359	17.4	3.1731	2.0
Bursa Malaysia				
FBM KLCI	1,512.05		1,451.94	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion)	1,706.31		1,776.33	

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

² Anggaran penduduk semasa berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

⁵ (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁶ Pada 2023, data adalah sehingga akhir Ogos 2023

⁷ Angka dalam kurungan menunjukkan kadar pengangguran

⁸ Dana terdiri daripada deposit (tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia) dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

⁹ Hasil indikatif pasaran

¹⁰ Awalan

¹¹ Anggaran

¹² Unjuran

¹³ Anggaran disemak

¹⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024

¹⁵ Angka dalam kurungan menunjukkan nilai negatif

¹⁶ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit

¹⁷ Sekitar

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

KANDUNGAN

PRAKATA	iii
AKRONIM DAN SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI
Ekonomi MADANI: Ke Arah Malaysia yang lebih Mampan dan Sejahtera	3
Sisipan 1.1 – Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat	3
Tinjauan	10
Kedudukan Semasa Belanjawan 2023	12
Pengurusan Ekonomi	17
Peluang dan Cabaran	17
Rencana 1.1 – Peralihan Adil dan Saksama Demi Masa Depan yang Mampan	19
Sisipan 1.2 – Gaji sebagai Sumber Pertumbuhan	27
Inisiatif Strategik – Belanjawan 2024	34
Sisipan 1.3 – Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas	36
Rencana 1.2 – Ke Arah Kesaksamaan Pembangunan: Bantuan Sosial Bersasar	44
Kesimpulan	54
Rujukan	55
BAB 2	TINJAUAN MAKROEKONOMI
Perspektif Keseluruhan	63
Ekonomi 2023	64
Ekonomi Global	64
Sisipan 2.1 – Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan: Membina ASEAN yang Mampan	65

Ekonomi Domestik	70
Rencana 2.1 – Ekonomi Dipacu Pelaburan Demi Pertumbuhan Mampan di Malaysia	78
Rencana 2.2 – Memacu Pertumbuhan Ekonomi Berimpak Tinggi melalui Pelaburan Langsung	91
Tinjauan 2024	103
Tinjauan Global	103
Tinjauan Domestik	103
Kesimpulan	110
Rujukan	111

BAB 3 PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan	117
Perkembangan Monetari	117
Prestasi Ringgit	118
Prestasi Sektor Perbankan	119
Prestasi Pasaran Modal	122
Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal	127
Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam	128
Sisipan 3.2 – Perkembangan terkini: Memperkasa Kewangan Islam di Malaysia	129
Kesimpulan	135
Rujukan	136

JADUAL PERANGKAAN **139**

ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA **193**

RAJAH

Ekonomi Negara 2024

Rajah 2.1.	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global	65
Rajah 2.2.	Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan	71
Rajah 2.3.	Pengeluaran Sektor Pembuatan	73
Rajah 2.4.	Jurang Tabungan-Pelaburan	77
Rajah 2.5.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan	84
Rajah 2.6.	Rakan Dagang 10 Teratas	88
Rajah 2.7.	Rizab Antarabangsa	91
Rajah 2.8.	Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar	100
Rajah 3.1.	Paras Kadar Dasar Semalaman	117
Rajah 3.2.	Perbandingan Kadar Faedah antara Bank Pusat	118
Rajah 3.3.	Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih	119
Rajah 3.4.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	120
Rajah 3.5.	Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia	124
Rajah 3.6.	Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul	124
Rajah 3.7.	Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun	125
Rajah 3.8.	Prestasi Bursa Malaysia	125
Rajah 3.9.	Prestasi Pasaran Saham Terpilih	126
Rajah 3.10.	Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara	135

JADUAL

Jadual 2.1.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor	70
Jadual 2.2.	Prestasi Sektor Perkhidmatan	70
Jadual 2.3.	Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik	74
Jadual 2.4.	Nilai Ditambah Sektor Pertanian	75
Jadual 2.5.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat	76
Jadual 2.6.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih	85
Jadual 2.7.	Perdagangan Luar Negeri	86
Jadual 2.8.	Eksport Kasar	87
Jadual 2.9.	Eksport Barangan Pembuatan	87
Jadual 2.10.	Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir	89
Jadual 2.11.	Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	90
Jadual 2.12.	Indeks Harga Pengguna	99
Jadual 2.13.	Indeks Harga Pengeluar	100
Jadual 2.14.	Penunjuk Pasaran Buruh	101
Jadual 2.15.	Guna Tenaga mengikut Sektor	102
Jadual 3.1.	Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman	120
Jadual 3.2.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor	121
Jadual 3.3.	Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal	123
Jadual 3.4.	Bon Korporat Baharu mengikut Sektor	123
Jadual 3.5.	Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih	126
Jadual 3.6.	Perbankan Islam: Penunjuk Utama	128

AKRONIM DAN SINGKATAN

ACMF	ASEAN Capital Markets Forum	CBAM	Carbon Border Adjustment Mechanism
AFC	Krisis Kewangan Asia	CCA	Akta Kredit Pengguna
AIBIM	Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia	CCPT	Taksonomi Berasaskan Perubahan Iklim dan Prinsip
AiF	Academy in Factory	CCUS	penangkapan karbon, penggunaan dan penyimpanan
AIRM	ASEAN Insurance Regulators Meeting	CET1	Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	CMGP	Program Graduan Pasaran Modal
ALMP	Dasar Pasaran Buruh Aktif	CMP3	Pelan Induk Pasaran Modal 3
ALR	kadar pinjaman purata	COVID-19	Penyakit Coronavirus 2019
AMS	Negara Anggota ASEAN	CPTPP	Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik
AS	Amerika Syarikat	CSAA	Badan Berautoriti Penasihat Syariah Berpusat bagi Kewangan Islam
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara	CSR	Lingkar Tengah Utama
ASEAN-5	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara - 5	CSR	tanggungjawab sosial korporat
ATB	Lembaga Taksonomi ASEAN	DDI	pelaburan langsung domestik
B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah	DE	perbelanjaan pembangunan
BCX	Bursa Carbon Exchange	DFI	institusi kewangan pembangunan
BM-i	Bursa Malaysia-i	DIA	pelaburan langsung di luar negeri
BNM	Bank Negara Malaysia	DITO	Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital
BPM6	Balance of Payments and International Investment Position Manual Sixth Edition	DNSH	Tidak melakukan kemudaratan ketara
bps	mata asas	DSR	Nisbah khidmat hutang
BR1M	Bantuan Rakyat 1 Malaysia	DTN	Dasar Tenaga Negara
BSAS	Bursa Suq Al-Sila'	E&E	elektrik dan elektronik
BSN	Bank Simpanan Nasional	ECF	Pendanaan Ekuiti Awam
CBA	Akta Bank Negara Malaysia 2009		

ECRL	Laluan Rel Pantai Timur	ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
EkuiNAS	Ekuiti Nasional Berhad	IFMC	Jawatankuasa Pasaran Kewangan Islam
EMDE	pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	IFSA	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
e-PATH	Platform E-Bayaran Baharu	IFSB	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus	IHP	Indeks Harga Pengguna
ETF	Dana Dagangan Bursa	IHPR	Indeks Harga Pengeluar
EU	Kesatuan Eropah	IILM	Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
EUDR	EU Deforestation-free Regulation	IKHSAN	Inisiatif Operator Perkhidmatan
EV	kenderaan elektrik	ILMIA	Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia	ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
FDI	pelaburan langsung asing	IMD	International Institute for Management Development
Fed	Rizab Persekutuan Amerika Syarikat	i-MILIKI	Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia
FES	Skim Pengecualian Asing	INSAN	Inisiatif Usahawan Makanan
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal	INTAN	Inisiatif Usahawan Tani
FSBP	Pelan Sektor Kewangan 2022 - 2026	IPO	Tawaran Awam Permulaan
FTA	perjanjian perdagangan bebas	IPR	Inisiatif Pendapatan Rakyat
GCI	Global Connectedness Index	ISIC	Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa
GLC	syarikat berkaitan kerajaan	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan	Khazanah	Khazanah Nasional Berhad
GovTech	Teknologi Kerajaan	KRI	Khazanah Research Institute
GPA	Akta Perolehan Kerajaan	KSM	Kementerian Sumber Manusia
HDI	Indeks Pembangunan Manusia	KSP RMKe-12	Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas
HGHV	high growth high value	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
IA	Akaun pelaburan		
ICD	Perbadanan Islam untuk Pembangunan Sektor Swasta		
ICM	Pasaran Modal Islam		

AKRONIM DAN SINGKATAN

LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
LCTF	Kemudahan Peralihan Karbon Rendah	NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara
LKK	lebih kendalian kasar	NGOs	Pertubuhan bukan kerajaan
LNG	gas asli cecair	NIA	Aspirasi Pelaburan Nasional
M&E	jentera dan peralatan	NIMP 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
M40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan	NIP	Dasar Pelaburan Baharu
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	NSNP	Program Jaringan Keselamatan Kebangsaan
MEF	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia	NSRC	Pusat Respons Scam Kebangsaan
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	OE	Perbelanjaan mengurus
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia	OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
MHTC	Malaysia Healthcare Travel Council	OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	OPEC+	Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya
MIFC	Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia	OPR	Kadar Dasar Semalaman
MLC	Majlis Kepimpinan MIFC	P2P	Pembiayaan antara Rakan Setara
MoC	Pengurusan Perubahan	PADU	Pangkalan Data Utama
MoU	Memorandum Persefahaman	PEKA B40	Skim Peduli Kesihatan
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari	PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
MSM	minyak sawit mentah	PGG	Prinsip Tadbir Urus Baik
MyCIF	Dana Pelaburan Bersama Malaysia	PKS	perusahaan kecil dan sederhana
MyICE	Malaysian Incentive Community Empowerment	PL	Piawaian Lanjutan
MyWI	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia	Platform	Platform Kelestarian Berpusat
NACP	Pelan Anti Rasuah Nasional	PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana
NACSA	Agensi Keselamatan Siber Negara	PMTK	Pembentukan modal tetap kasar
		PNK	pendapatan negara kasar

PP	pampasan pekerja	SPS	Skim Pekerjaan Sendiri
PPR	Program Perumahan Rakyat	SRI	Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab
R&D	penyelidikan dan pembangunan	SSL	tahap sara diri
R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi	SSR	kadar sara diri
RCEP	Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau	STAR	Pasukan Petugas Khas Pembaharuan Agensi
RE	tenaga boleh baharu	STR	Sumbangan Tunai Rahmah
REIT	Amanah Pelaburan Hartanah	SVB	Silicon Valley Bank
RKA	Rangka Kerja Asas	Taksonomi ASEAN	Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan
RM	Ringgit Malaysia	Tenaga	Bekalan elektrik, gas, wap dan bekalan penyaman udara
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025	TIV	jumlah pengeluaran industri
RWA	aset berwajaran risiko	TNK	tabungan negara kasar
SARa	Sumbangan Asas Rahmah	TSC	Kriteria Saringan Teknikal
SBL	pinjaman dan peminjaman sekuriti	UEFA Euro 2024	Kejohanan Bola Sepak Eropah UEFA 2024
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	UK	United Kingdom
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan	USD	Dolar Amerika Syarikat
SJKP	Syarikat Jaminan Kredit Perumahan	VBI	pengantaraan berasaskan nilai
SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan	VBIAF	Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai
SKSPS	Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri	WC-CMD	Working Committee on Capital Market Development
SLC	ASEAN Senior Level Committee on Financial Integration	WCY	World Competitiveness Yearbook
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional		

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

03 EKONOMI MADANI: KE ARAH MALAYSIA YANG LEBIH MAMPAN DAN SEJAHTERA

Sisipan 1.1 – Ekonomi MADANI: Memperkasa
Rakyat

10 TINJAUAN

12 KEDUDUKAN SEMASA BELANJAWAN 2023

17 PENGURUSAN EKONOMI

PELUANG DAN CABARAN

Rencana 1.1 – Peralihan Adil dan Saksama Demi
Masa Depan yang Mampan

Sisipan 1.2 – Gaji sebagai Sumber Pertumbuhan

34 INISIATIF STRATEGIK - BELANJAWAN 2024

Sisipan 1.3 – Kajian Separuh Penggal Rancangan
Malaysia Kedua Belas

Rencana 1.2 – Ke Arah Kesaksamaan
Pembangunan: Bantuan Sosial Bersasar

54 KESIMPULAN

55 RUJUKAN

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Ekonomi MADANI: Ke Arah Malaysia yang Lebih Mampan dan Sejahtera

Kerajaan telah memperkenalkan kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat dengan visi 'Bersama Membina Malaysia yang Lebih Baik'. Potensi negara yang belum diterokai perlu dimanfaatkan bagi mencapai matlamat kolektif di bawah kerangka ini yang merupakan aspirasi nasional untuk dikongsi bersama. Kerangka dasar yang komprehensif ini mencerminkan komitmen tidak berbelah bahagi demi memastikan kemampanan dan

kemakmuran negara. Kerangka ini menjadi asas kepada Malaysia untuk memacu trajektori pembangunan negara dan meraih semula status sebagai Harimau Asia.

Secara dasarnya, kerangka ini memberikan tumpuan untuk memanfaatkan kelebihan sedia ada Malaysia bagi meningkatkan daya saing negara. Pada masa yang sama, penekanan turut diberikan kepada langkah kemampanan fiskal, amalan tata kelola yang baik dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Selain itu, kerangka ini responsif kepada cabaran semasa yang dihadapi oleh rakyat terutamanya peningkatan kos sara hidup di samping menangani isu struktural yang berkaitan gaji dan produktiviti.

SISIPAN 1.1

Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat

Pengenalan

Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat merupakan satu kerangka ekonomi yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 27 Julai 2023. Kerangka ini memberi tumpuan kepada dua objektif utama iaitu menstruktur semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Matlamat utama kerangka ini adalah untuk membina Malaysia yang lebih baik dan mampan. Kerangka ini dijangka akan dilaksanakan melalui pendekatan menyeluruh yang memerlukan mobilisasi sumber dan usaha bersepadu daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan, pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat secara keseluruhan.

Bagi menjayakan pelaksanaan kerangka ini, Kerajaan memberikan penekanan dalam memperkukuh dua teras utama iaitu "Menaikkan Siling" bagi memperkasakan ekonomi dan mengembangkan kekayaan negara; dan kedua, "Menaikkan Lantai" bagi memastikan manfaat yang berkualiti dan saksama untuk semua seperti dalam Rajah 1.1.1. Kerangka ini terdiri daripada langkah jangka masa pendek dan sederhana untuk memacu pencapaian teras tersebut. Kerangka ini akan menjadi asas dan melengkapi dasar yang baru dilancarkan termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12).

RAJAH 1.1.1. Kerangka Ekonomi MADANI



Sumber: Pejabat Perdana Menteri Malaysia

Matlamat yang Ingin Dicapai

Kerangka ini merupakan pendekatan holistik yang dibangunkan bagi menangani pelbagai cabaran dan kebimbangan. Langkah jangka masa pendek bertujuan untuk menangani isu mendesak yang memberikan kesan langsung kepada rakyat dan ekonomi. Sementara itu, langkah jangka masa sederhana lebih tertumpu kepada peningkatan pencapaian negara dalam pelbagai aspek.

Matlamat Jangka Masa Pendek

Kerangka ini menetapkan matlamat jangka masa pendek untuk penambahbaikan pelaksanaan pelbagai inisiatif sedia ada bagi menangani isu mendesak yang memberikan kesan kepada rakyat dan perniagaan. Usaha tersebut termasuk:

- i. Mempercepat pelaksanaan projek khususnya yang bertujuan untuk menaik taraf sekolah dan klinik daif. Pelbagai usaha telah dilaksanakan seperti menambah peruntukan, mempermudah prosedur perolehan dan menurunkan kuasa kepada pihak agensi pelaksana untuk mempercepat pelaksanaan projek; dan
- ii. Membasmi kemiskinan tegar melalui pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat untuk menyediakan peluang meningkatkan dan mempelbagaikan pendapatan yang boleh memberikan kebebasan dan ketahanan kewangan. Konsep Payung RAHMAH juga telah diperkenalkan bagi meringankan beban kewangan rakyat dan akan terus diperkukuh untuk menangani cabaran kos sara hidup.

Matlamat Jangka Masa Sederhana

Pada skala yang lebih besar, kerangka Ekonomi MADANI menggariskan hala tuju ekonomi dengan matlamat jangka masa sederhana untuk meningkatkan pencapaian negara dalam pelbagai aspek. Kerangka ini menetapkan tujuh penunjuk prestasi utama yang akan dicapai oleh Malaysia dalam tempoh 10 tahun seperti dalam Rajah 1.1.2.

RAJAH 1.1.2. Tujuh Penunjuk Prestasi Utama



Sumber: Pejabat Perdana Menteri Malaysia

Teras Utama

Teras kerangka tersebut disusun bagi mencapai matlamat membina Malaysia yang lebih baik disokong oleh Fokus 1: Malaysia - Peneraju Ekonomi Asia dan Fokus 2: Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat.

Fokus 1: Malaysia – Peneraju Ekonomi Asia

Bagi meletakkan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia, struktur ekonomi memerlukan transformasi daripada ekonomi berorientasikan buruh kepada berasaskan inovasi yang dipacu oleh firma berproduktiviti tinggi dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa. Usaha ini termasuk menggiatkan semula sektor perindustrian dan meningkatkan kecekapan agihan peruntukan sumber serta barangan dan perkhidmatan bagi memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh disokong oleh dasar fiskal yang lebih mampan. Matlamat ini akan dicapai melalui inisiatif utama seperti berikut:

i. Agenda Serantau (ASEAN)

Bagi membolehkan Malaysia mencapai pertumbuhan KDNK tahunan antara 5.5% hingga 6%, negara perlu memperluas integrasi ekonomi dengan negara jiran; menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan yang berdaya saing tinggi menembusi pasaran ASEAN; dan memudah cara aktiviti perdagangan terutamanya dalam mendepani isu rantaian bekalan global. Tambahan pula, negara perlu meningkatkan daya saing pada peringkat global; memberikan tumpuan kepada aktiviti dengan nilai tambah tinggi atau kecanggihan ekonomi; dan mengukuhkan insentif cukai berasaskan keberhasilan bagi menyokong syarikat yang melaksanakan aktiviti berimpak tinggi.

ii. Malaysia sebagai Destinasi Pelaburan

Usaha perlu dipergiat untuk menaik taraf kawasan perindustrian dengan infrastruktur yang lebih berdaya tahan dan mampan bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama. Sementara itu, penekanan yang lebih besar perlu diberikan kepada penguatkuasaan agensi penggalakan pelaburan serta mengkaji semula insentif pelaburan bagi menggalakkan pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi dan penggunaan sepenuhnya sumber tempatan.

iii. Mengantarabangsakan Syarikat Pemula Tempatan serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Pihak GLC digalakkan untuk terus memacu pelaburan langsung domestik (DDI) dan menyokong pembangunan vendor tempatan dalam sektor strategik seperti E&E, ekonomi digital dan aeroangkasa. Usaha ini akan mendorong lebih banyak syarikat pemula dan PKS Bumiputera untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu. Di samping itu, Kerajaan juga berhasrat untuk meningkatkan pertumbuhan eksport serta melahirkan lebih banyak syarikat *unicorn* tempatan dan syarikat senaraian awam yang berjaya dan antara usaha yang diberi keutamaan adalah penguatkuasaan ekosistem R&D&C&I. Sehubungan itu, ekosistem pembiayaan yang kondusif dan pasaran kewangan yang dinamik diperlukan untuk menyokong usaha tersebut.

iv. Peneraju Ekonomi Islam Global

Ekosistem kewangan yang komprehensif akan dimajukan berteraskan prinsip *Maqasid Syariah*¹ bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Islam global. Selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI, Kerajaan akan bekerjasama dengan pemain industri kewangan Islam untuk menawarkan instrumen kewangan Islam yang lebih berbentuk digital, inovatif dan pelbagai dengan memanfaatkan kewangan sosial Islam seperti zakat, wakaf dan sedekah. Kewangan Islam yang mampan dan berkesan merangkumi prinsip halal dan *tayyib*² akan diselaraskan dengan peningkatan dana alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) pada peringkat global.

v. Usahawan Mikro dan Sektor Tidak Formal

Pembangunan perusahaan mikro dan sektor tidak formal penting untuk menggalakkan penglibatan usahawan yang lebih meluas di samping memberikan nilai tambah kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, capaian kepada pembiayaan kekal penting bagi memastikan kejayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta sektor tidak formal terutama dalam penerimgunaan digitalisasi dan trend baru muncul yang lain. Oleh itu, institusi pembiayaan mikro dan syarikat pemula yang berjaya akan menjadi pemacu perubahan untuk menggalakkan PMKS dan sektor tidak formal untuk berinovasi melalui pembiayaan alternatif seperti pendanaan awam ekuiti (ECF).

¹ *Maqasid Syariah* merujuk kepada objektif Syariah untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan kekayaan (harta benda).

² *Tayyib* merujuk kepada menyeluruh, suci, sihat and selamat.

vi. *Pertumbuhan Hijau Demi Daya Tahan Iklim*

Ke arah usaha negara mencapai aspirasi sifar bersih seawal 2050, elemen rendah karbon dan daya tahan iklim akan diberi penekanan dalam perancangan pembangunan Malaysia untuk membentuk landskap ekonomi yang lebih cekap dan mampan. Di bawah NETR, Kerajaan berhasrat untuk mempercepat peralihan tenaga bagi memastikan bekalan tenaga bersih yang berterusan dan mampan untuk semua. Aspirasi ini termasuk meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu, pemasangan panel solar di bangunan kerajaan dan dasar perdagangan tenaga boleh baharu melalui sistem pasaran tenaga elektrik. Kerajaan juga akan terus menerajui usaha untuk mempelopori ekonomi hidrogen serta penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) di samping terus menyediakan insentif khususnya untuk menggalakkan aktiviti pertumbuhan hijau baharu.

vii. *Guna Tanah dan Keterjaminan Makanan*

Malaysia akan menilai semula pendekatan ke arah penggunaan tanah untuk mengimbangi antara keperluan pembangunan, pertanian dan pemuliharaan. Pendekatan ini penting bagi memastikan pengoptimuman tanah untuk menangani keterjaminan makanan di samping memulihara aset biodiversiti. Dalam usaha ini, Kerajaan akan terus meningkatkan kadar sara diri (SSR) dan mengukuhkan keterjaminan makanan dengan mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian sedia ada melalui penerimgunaan teknologi, menambah baik infrastruktur pengairan serta menyediakan kemudahan pembiayaan terutamanya bagi aplikasi teknologi pertanian moden. Selain itu, penciptaan penyelesaian berasaskan alam semula jadi melalui usaha pemuliharaan dan penghutan semula akan dipergiat bagi meningkatkan integriti alam sekitar.

Fokus 2: Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat

Menyedari keperluan untuk meningkatkan taraf hidup semua rakyat Malaysia, kerangka Ekonomi MADANI akan memberi penekanan kepada pembangunan masyarakat yang lebih adil dan makmur dengan pengagihan kekayaan yang saksama. Aspirasi ini akan dicapai melalui strategi seperti berikut:

i. *Peluang Pekerjaan dengan Gaji Bermakna*

Demi mencapai perkongsian ekonomi yang lebih seimbang, Kerajaan akan menambah baik dasar untuk meningkatkan pertumbuhan gaji termasuk mengkaji semula gaji minimum dan undang-undang berkaitan bagi menyediakan persekitaran kerja yang lebih baik serta meneroka pelaksanaan model gaji progresif. Langkah tersebut bertujuan untuk meningkatkan peratusan pampasan pekerja kepada 45% daripada KDNK agar setanding dengan negara maju. Selain itu, Kerajaan akan melaksanakan levi pelbagai peringkat bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah di samping menggalakkan automasi.

ii. Kesaksamaan Peluang

Malaysia akan meneruskan usaha untuk mengurangkan ketidaksamaan merentasi jantina, bangsa dan latar belakang bagi menjamin pertumbuhan inklusif. Keutamaan diberikan kepada golongan miskin tegar dan terpinggir dengan memberikan lebih banyak bantuan dan peluang pendidikan yang saksama. Usaha juga akan diteruskan bagi mempergiat latihan keusahawanan dan memperkukuh program pembiayaan kepada kumpulan tertentu terutamanya wanita dan belia. Selain itu, dasar perindustrian yang khusus mengikut wilayah akan menggalakkan pertumbuhan bidang pengkhususan negeri bagi merapatkan jurang pembangunan wilayah. Infrastruktur bertaraf dunia di bandar utama akan terus diperkukuh untuk meningkatkan daya huni dan kemampuan bandar serta meningkatkan daya tarikan sebagai hab pelaburan. Aspek perundangan dan peraturan serta program sokongan akan ditambah baik bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dengan mengukuhkan inisiatif Ekonomi Penjagaan seperti pusat jagaan kanak-kanak mampu milik.

iii. Perlindungan Sosial untuk Semua

Sistem perlindungan sosial yang komprehensif akan dipertingkatkan melalui tiga teras utama iaitu insurans sosial, bantuan sosial dan intervensi pasaran buruh bagi melindungi rakyat daripada keadaan luar jangka. Inisiatif tersebut termasuk memperluas liputan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) secara berperingkat kepada sektor tidak formal serta menambah baik program bantuan tunai dan program Rahmah bagi meningkatkan tahap perlindungan sosial. Di samping membina daya tahan persaraan, Kerajaan juga terus mengukuhkan pasaran buruh dengan meningkatkan gaji melalui program peningkatan kemahiran dan latihan semula.

iv. Pembaharuan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Kerajaan terus komited untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh dengan menyediakan capaian sejagat kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Sehubungan itu, pendekatan penjagaan kesihatan primer yang bersifat keseluruhan masyarakat akan diguna pakai untuk mewujudkan sistem penjagaan kesihatan yang lebih mampan, berdaya tahan dan berkualiti. Rakyat akan terus dididik untuk menerima peralihan sendiri daripada rawatan penyakit kepada konsep pencegahan penyakit demi menambah baik, melindungi dan mengekalkan tahap kesihatan. Oleh yang demikian, Kerajaan akan menyediakan 5% daripada KDNK untuk perbelanjaan penjagaan kesihatan seperti yang ditetapkan dalam Kertas Putih Kesihatan.

v. Pembaharuan Pendidikan dan Sumber Manusia

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang komprehensif dan persekitaran pembelajaran yang kondusif agar boleh dicapai oleh semua pihak. Usaha tersebut termasuk mempercepat pelaksanaan projek sekolah, menambah baik keadaan sekolah daif serta meluaskan capaian internet menerusi projek JENDELA. Selain itu, pendidikan tertiar dan program pembelajaran sepanjang hayat termasuk TVET akan dikaji semula agar lebih berorientasi permintaan dalam menghasilkan bakat kalis masa hadapan yang diperlukan oleh industri.

vi. *Infrastruktur dan Pengangkutan Awam*

Kerajaan akan mengambil tindakan segera untuk mengoptimumkan semua aset sedia ada berkaitan jalan luar bandar dan sistem pengangkutan awam bandar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan kesalinghubungan dan memperluas mobiliti. Pengurusan pengangkutan awam darat akan disepadukan bagi meningkatkan keberkesanan kos dan menambah baik ketersambungan batuan terakhir. Di samping itu, rangkaian perhubungan udara dan infrastruktur pengangkutan darat di bandar utama juga akan dipertingkatkan.

vii. *Kemudahan Asas*

Kerajaan kekal komited dalam menyediakan infrastruktur asas sejagat bertaraf dunia kepada rakyat termasuk capaian kepada bekalan air, elektrik dan internet yang berkualiti secara berterusan. Selain itu, projek tebatan banjir akan disegerakan bagi mengurangkan kesan banjir yang teruk kepada masyarakat setempat atau sebarang gangguan capaian kepada kemudahan asas.

viii. *Perumahan Mampu Milik kepada Semua Rakyat Malaysia*

Dasar Perumahan Negara (2018 – 2025) digubal untuk memastikan penyediaan perumahan yang mencukupi dan memupuk persekitaran hidup yang selamat, sihat dan harmoni. Bagi merealisasikan dasar ini, satu pelan tindakan sedang dibangunkan untuk memastikan parameter yang lebih munasabah ditetapkan dalam mencapai keseimbangan antara harga rumah median dengan tahap pendapatan median. Di samping itu, penyediaan perumahan awam juga akan ditambah baik manakala pasaran sewaan akan dipergiat bagi memenuhi permintaan. Kerajaan juga akan memudahkan pembeli mendapatkan pembiayaan rumah dengan menyediakan jaminan kredit sehingga 120% di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP).

Tata Kelola Baik bagi Mengembalikan Keyakinan

Tata kelola yang baik dan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap menjadi asas untuk mendapatkan kepercayaan semua pihak berkepentingan bagi menyokong dan melaksanakan tindakan kolektif ke arah transformasi yang diperlukan. Pembaharuan struktur dan institusi Parlimen, media dan perkhidmatan awam akan mengukuhkan tadbir urus dan kapasiti institusi. Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap disokong oleh agenda digitalisasi penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi di samping mendepani realiti perkembangan global.

Kerajaan juga akan memberikan tumpuan secara progresif untuk meningkatkan kemampuan fiskal Malaysia dengan pelaksanaan pelbagai strategi hasil dan perbelanjaan. Mekanisme subsidi yang lebih mampan, efisien dan bersasar penting untuk menangani ketirisan dan pembaziran.

Kesimpulan

Kerangka Ekonomi MADANI bermatlamat untuk memacu pembangunan ekonomi Malaysia. Kerangka yang berpaksikan kepada “Menaikkan Siling” dan “Menaikkan Lantai” bertujuan untuk meningkatkan kemakmuran ekonomi negara dan memperluas keterangkuman dalam pengagihan kekayaan seterusnya menambah baik taraf hidup rakyat. Pendekatan menyeluruh ini dijangka dapat mendukung semangat perpaduan dan tata kelola yang baik disokong oleh sistem penyampaian yang cekap dan kolaboratif bagi memacu pertumbuhan ekonomi. Kejayaan pelaksanaan kerangka Ekonomi MADANI akan meletakkan semula Malaysia sebagai ekonomi terpenting di Asia seterusnya mengembalikan maruah dan kegemilangan negara.

Tinjauan

Ekonomi Global

Ketika dunia mengalami perubahan berterusan dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang berbeza di seluruh dunia, ekonomi global dijangka mencatat pertumbuhan sederhana selepas mengalami tempoh kemelesetan. Kadar pertumbuhan yang sederhana ini dijangka berterusan di kebanyakan wilayah ekonomi pada tahun mendatang. Ketidaktentuan yang berlarutan telah mendorong IMF¹ untuk mengunjurkan prospek pertumbuhan global kepada 3% pada 2023 dan 2024 (2022: 3.5%). Namun begitu, pertumbuhan tersebut kekal tidak menentu berikutan peningkatan risiko terutamanya disebabkan oleh dasar monetari yang semakin ketat bagi mengurangkan tekanan inflasi, seterusnya menjejaskan kepantasan pemulihan ekonomi global. Sementara itu, pertumbuhan perdagangan dunia juga dijangka menyederhana kepada 2% pada 2023 berikutan ketegangan geopolitik yang berpanjangan dan seterusnya mencatat 3.7% pada 2024.

Perubahan landskap global akan memberikan kesan signifikan kepada perkembangan perniagaan meliputi semua saiz perniagaan serta taraf hidup rakyat. Selain itu, kebimbangan terhadap keterjaminan rantaian bekalan yang semakin meruncing boleh menyebabkan pelaksanaan sekatan perdagangan dan pelaburan yang seterusnya berpotensi memberikan kesan kepada prospek pertumbuhan negara lain. Walaupun cabaran global yang berpunca daripada krisis masih berterusan, namun cabaran tersebut turut mewujudkan peluang kepada semua negara untuk meningkatkan pertumbuhan dan inovasi melalui penggubalan strategi berkesan bagi mencapai pertumbuhan lebih mampan dan kukuh.

Ekonomi Domestik

Walaupun ketidaktentuan landskap global semakin meningkat, namun ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan. Pertumbuhan KDNK diunjur berkembang sekitar 4% pada 2023 dan antara 4% hingga 5% pada 2024. Kerajaan mengakui bahawa Bank Dunia mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 4.3% pada 2024 iaitu meningkat sedikit berbanding unjuran asal. Namun, unjuran ini selaras dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2024 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh seterusnya mengimbangi dengan berkesan cabaran pertumbuhan global yang menyederhana. Pertumbuhan ini juga akan disokong oleh pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) baharu, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12).

Selain itu, permintaan domestik Malaysia pada 2023 terus disokong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan. Pertumbuhan ini juga disokong oleh keadaan pasaran buruh yang menggalakkan dan tekanan inflasi yang berkurangan serta aktiviti pelancongan yang rancak. Peningkatan pelaburan swasta pula disumbangkan oleh projek infrastruktur yang giat dilaksanakan dan pelaburan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Peningkatan perbelanjaan sektor swasta dijangka dapat mengimbangi kesan perbelanjaan awam yang sederhana pada 2023.

Pada 2024, perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai penyumbang utama dalam memacu aktiviti ekonomi berikutan permintaan domestik yang lebih kukuh. Di samping itu, inisiatif Kerajaan untuk menyokong perbelanjaan isi rumah melalui

¹ Merujuk kepada laporan World Economic Outlook diterbitkan pada Julai 2023.

pindahan tunai kepada kumpulan sasar dan peningkatan trend perdagangan sosial dijangka dapat menggalakkan penggunaan swasta. Sementara itu, pelaburan swasta dijangka terus berkembang didorong oleh persekitaran perniagaan yang lebih kondusif selaras dengan strategi dan usaha Kerajaan dalam menarik pelaburan berteknologi tinggi dan bernilai tinggi melalui NETR dan NIMP 2030.

Dari aspek penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi enjin utama pertumbuhan ekonomi pada 2023. Prestasi sektor perkhidmatan dipacu oleh subsektor berkaitan pelancongan berikutan peningkatan ketibaan pelancong dan perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan dijangka mencatat pertumbuhan sederhana disebabkan oleh permintaan luar yang lembap. Sektor pertanian juga diunjur menyederhana disumbangkan oleh subsektor kelapa sawit, pertanian lain dan ternakan manakala sektor perlombongan dijangka merosot berikutan permintaan luar yang lebih rendah untuk gas asli cecair (LNG). Sementara itu, sektor pembinaan dijangka mencatat prestasi yang lebih baik disokong oleh langkah mempercepat pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti sedia ada.

Pada 2024, subsektor perdagangan borong dan runcit kekal sebagai penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan disokong oleh pengembangan segmen runcit melalui transaksi digital. Di samping itu, industri berorientasikan domestik disokong oleh pengeluaran lebih tinggi dalam industri *high growth high value* (HGHV) yang akan memacu sektor pembuatan selaras dengan pelaksanaan inisiatif di bawah NETR, NIMP 2030, KSP RMKe-12 dan Pelan Hala Tuju Industri Kimia 2030. Sektor pertanian kekal stabil sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran kelapa sawit dan harga minyak sawit mentah. Sektor perlombongan dijangka pulih terutamanya disumbangkan oleh projek medan gas baharu seperti Gansar, Jerun dan Kasawari. Sementara itu, sektor pembinaan terus berkembang disokong oleh pertumbuhan dalam semua

subsektor yang sebahagiannya didorong oleh peningkatan permintaan terhadap tenaga boleh baharu dan bersih serta aktiviti penyahkarbonan selaras dengan agenda ekonomi hijau.

Pada 2023, eksport telah menguncup seiring dengan kelembapan ekonomi dan perdagangan global terutamanya dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan dan harga komoditi yang menyederhana. Lebih akaun semasa pula dijangka berkembang didorong oleh defisit yang semakin mengecil dalam akaun perkhidmatan dan akaun primer. Walau bagaimanapun, tinjauan untuk 2024 menunjukkan peningkatan beransur-ansur disumbangkan oleh prospek perdagangan global dan sektor komoditi yang bertambah baik.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Pendirian dasar monetari semasa kekal akomodatif dan menyokong ekonomi serta selaras dengan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan. Sektor kewangan dijangka kekal berdaya tahan dan stabil serta disokong oleh sistem perbankan yang teguh. Sistem perbankan terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan yang mendapat manfaat daripada unjuran pertumbuhan ekonomi yang positif dan pasaran buruh yang bertambah baik. Pada masa yang sama, pasaran modal kekal rancak bagi meningkatkan kemakmuran, keterangkuman dan kemampuan Malaysia melalui usaha memperkukuh pemikiran kepimpinan, mempergiat inovasi dan mempelbagaikan rangkaian produk pasaran untuk kekal berdaya saing. Melangkah ke hadapan, Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia 2021 – 2025 dan Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026 akan terus dijadikan rujukan yang bernilai dalam menetapkan visi dan strategi untuk pembangunan pasaran modal dan sektor kewangan.

Kedudukan Semasa Belanjawan 2023

Selaras dengan visi jangka masa panjang di bawah konsep Malaysia MADANI, Belanjawan 2023 telah dirangka berlandaskan tiga tekad iaitu pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan, reformasi institusi dan tata kelola yang baik serta mengurangkan jurang ketidaksaksamaan melalui keadilan sosial. Bagi mencapai visi ini, peruntukan yang besar berjumlah RM386.3 bilion telah disediakan dalam Belanjawan 2023 dengan RM289.3 bilion untuk perbelanjaan mengurus (OE) dan RM97 bilion untuk perbelanjaan pembangunan (DE). Sehingga Julai 2023, sebanyak 49% daripada keseluruhan peruntukan telah dibelanjakan dengan RM166.7 bilion untuk OE manakala bakinya untuk DE.

Tekad 1: Pemacuan Ekonomi yang Terangkum dan Mampan

Bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan, beberapa langkah telah digariskan dengan memberikan tumpuan kepada kedudukan fiskal yang mampan, kesejahteraan rakyat, pengurusan risiko bencana berkesan dan pelaburan yang berimpak tinggi. Di bawah pembaharuan perundangan fiskal, penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) tahun ini akan meningkatkan kredibiliti dasar fiskal ke arah mencapai kewangan awam yang mampan dan kestabilan makroekonomi dalam jangka masa panjang. Akta ini berperanan sebagai rangka kerja pengurusan fiskal yang berkesan bagi memberikan penekanan kepada tata kelola yang baik, akauntabiliti dan ketelusan dalam menguruskan kewangan awam.

Langkah komprehensif telah dilaksanakan untuk menyokong perniagaan dan keperluan rakyat dengan memberikan tumpuan khusus kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terjejas teruk akibat

pandemik. Sehingga Julai 2023, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menyediakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM145.3 juta yang memanfaatkan 4,747 usahawan termasuk penjaja. Selain itu, sebanyak 80% daripada RM263.9 juta di bawah skim pembiayaan TEKUN Nasional telah disalurkan untuk memperkasakan 16,960 usahawan muda terutamanya bagi perolehan aset dan modal kerja. Tambahan pula, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dapat memanfaatkan kemudahan pembiayaan bernilai RM9.7 bilion yang disediakan oleh BNM serta kemudahan jaminan maksimum sebanyak 90% daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dengan jumlah pinjaman sehingga RM20 bilion. Sehingga Julai 2023, sebanyak RM5.7 bilion telah dijamin yang memberikan manfaat langsung kepada lebih 7,000 PKS. Langkah komprehensif tersebut menunjukkan usaha berterusan bagi menyokong pembangunan PMKS.

Kerajaan komited untuk meningkatkan kesiapsiagaan, pengurusan dan kawalan risiko bencana melalui pelbagai pendekatan bagi program dan insentif dalam meningkatkan tindak balas responsif negara terhadap bencana alam. Bagi memastikan matlamat projek tebatan banjir dalam jangka masa panjang tercapai, pelbagai projek telah dilaksanakan pada 2023 yang memberikan tumpuan kepada strategi pengurusan banjir, pembangunan takungan dwifungsi bagi tebatan banjir dan usaha pengurusan lembangan sungai bersepadu di Johor, Selangor dan Kelantan. Pada masa yang sama, sekitar RM1.5 bilion telah diperuntukkan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta RELA bagi meningkatkan tindak balas pasukan penyelamat bencana negara. Selain itu, sebanyak RM1.6 juta disalurkan menerusi program Malaysian Incentive Community Empowerment (MyICE) dengan kerjasama NGO berkaitan bagi memperkasakan 159 komuniti sebagai barisan pertahanan pertama dalam menghadapi bencana alam. Usaha bersepadu ini mencerminkan komitmen Kerajaan yang berterusan untuk melindungi nyawa dan sumber pendapatan semasa krisis.

Selain itu, Kerajaan terus menggalakkan amalan mampan dalam komuniti perniagaan dengan membantu syarikat pemula berasaskan teknologi mampan, memudah cara penggunaan amalan rendah karbon oleh PKS dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi hijau secara mampan. Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF) yang diperkenalkan oleh BNM telah terbukti memainkan peranan penting dalam membantu PKS tempatan melaksanakan aktiviti perniagaan secara mampan dan amalan yang peka terhadap alam sekitar. Sehingga Julai 2023, sebanyak 144 permohonan telah diluluskan dengan nilai RM273.3 juta.

Selaras dengan peningkatan potensi ekonomi Islam, Kerajaan komited untuk memanfaatkan kelebihan negara dalam bidang ini dengan meneroka instrumen kewangan inovatif termasuk pembangunan tanah wakaf berdaftar yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Sehubungan itu, peruntukan yang besar sebanyak RM200 juta telah dikhususkan untuk membangunkan tanah wakaf di Pulau Pinang dengan unjuran nilai pembangunan kasar melebihi RM1 bilion. Pelaburan ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk mengembangkan potensi ekonomi Islam yang belum diteroka dan menggalakkan pembangunan mampan melalui strategi kewangan yang inovatif dan berhemat.

Tekad 2: Reformasi Institusi dan Tata Kelola Baik bagi Memulih Keyakinan

Selaras dengan usaha bersepadu untuk meningkatkan kemampan negara dalam jangka masa panjang dan memperkukuh keyakinan awam, pembaharuan institusi dan komitmen terhadap tata kelola perlu ditambah baik untuk meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Belanjawan 2023 telah menggariskan langkah komprehensif bagi mempercepat pelaksanaan projek infrastruktur awam, memperkasakan perkongsian awam-swasta, mengutamakan agenda digital serta memantapkan peranan agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Langkah strategik

tersebut bertujuan menyediakan asas yang dinamik dan berdaya tahan untuk trajektori pertumbuhan negara yang menunjukkan komitmen teguh terhadap ketelusan dan akauntabiliti bagi mencapai kemajuan ekonomi.

Bagi mempercepat pelaksanaan projek infrastruktur awam, penambahbaikan yang signifikan telah dilaksanakan untuk meningkatkan ketelusan perolehan Kerajaan termasuk mempermudah prosedur dan proses terutamanya bagi projek kecil dengan memperkenalkan kelonggaran dan pengecualian kepada Arahan Perbendaharaan 182. Inisiatif ini memberikan kuasa kepada kementerian dan agensi pada peringkat negeri dan daerah di Sabah dan Sarawak melalui jabatan teknikal untuk melaksanakan projek dengan had nilai sehingga RM50 juta. Sementara itu, RM2.6 bilion telah disalurkan sehingga Ogos 2023 untuk membaik pulih sekolah dan klinik daif, menyelenggara dan menaik taraf jalan persekutuan serta melebarkan dan membina jalan luar bandar baharu serta memasang lampu jalan di kawasan berisiko tinggi. Projek tersebut menekankan komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan untuk menambah baik infrastruktur awam yang kritikal seterusnya memperkukuh kesejahteraan masyarakat dan pembangunan di seluruh negara.

Belanjawan 2023 memberikan tumpuan utama kepada modal insan terutamanya pembangunan graduan TVET dengan menyediakan set kemahiran yang disesuaikan dengan permintaan industri melalui kerjasama antara institusi TVET dengan 50 syarikat terutamanya GLC. Institusi tersebut termasuk kolej komuniti, institut latihan perindustrian dan institut kemahiran belia negara. Sehingga Julai 2023, sebanyak 10 perjanjian Pengurusan Perubahan (MoC) telah ditandatangani dengan menggariskan skop kerjasama meliputi pemindahan pengetahuan, perkongsian peralatan dan pembangunan kurikulum. Bagi memperkukuh kerjasama dengan industri pula, sebanyak RM17 juta telah dibelanjakan untuk Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang memanfaatkan lebih 8,000 pelatih. Pada Julai 2023, sebanyak RM2.6 juta telah dibelanjakan

di bawah program Academy in Factory (AiF) untuk memberikan latihan pekerjaan kepada 20,000 pelatih. Program tersebut mencerminkan dedikasi Kerajaan dalam meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan TVET seterusnya menyumbang kepada tenaga kerja yang dinamik dan berkemahiran yang merupakan keperluan penting untuk kemajuan negara.

Selaras dengan usaha untuk menggalakkan belia meningkatkan kemahiran dan penawaran gaji yang lebih tinggi dalam kalangan sektor swasta, sebanyak RM55.3 juta telah diperuntukkan bagi program kerjasama dengan pemain industri yang menyasarkan 17,000 graduan TVET mendapat pekerjaan. Lebih daripada 6,500 graduan TVET telah mendapat manfaat sejak program ini dilancarkan pada Mei 2023. Selain itu, Kerajaan terus berdedikasi untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang bermakna kepada golongan mudah terjejas seperti pekerja gig, lepasan sekolah dan graduan menganggur. Sehingga Julai 2023, lebih 760,000 peserta telah mendaftar dalam program peningkatan kemahiran dan latihan semula dengan pembiayaan daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia sebanyak RM900.8 juta.

Selaras dengan persediaan Malaysia untuk menerima kedatangan pelancong yang lebih tinggi, Kerajaan sedang mempergiat usaha bagi memperkukuh sektor pelancongan sempena kempen melawat Malaysia. Sebanyak RM65 juta telah diperuntukkan kepada program dan aktiviti untuk mempromosikan budaya dan warisan serta memperkaya pengalaman pelancong. Selain itu, projek infrastruktur penting turut dilaksanakan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di destinasi pelancongan popular. Projek tersebut merangkumi pembinaan dan penambahbaikan jalan raya di kawasan trafik tinggi seperti di Cameron Highlands dan Melaka. Selain itu, projek strategik termasuk pembangunan jalan dan jambatan baharu untuk menghubungkan antara Port Dickson dengan Sepang serta penambahbaikan Lebuhraya Utara-Selatan dengan tumpuan awal Fasa 1 di Johor. Penambahbaikan infrastruktur

tersebut mencerminkan dedikasi Kerajaan untuk menyediakan pengalaman yang lancar dan menarik kepada pelancong seterusnya meningkatkan akses dan kesalinghubungan merentasi seluruh tempat pelancongan yang menarik di negara ini.

Seiring agenda digitalisasi negara, sebanyak RM199 juta telah disalurkan melalui inisiatif JENDELA bagi meningkatkan penembusan capaian internet dengan menyasarkan liputan 4G sepenuhnya di semua kawasan berpenduduk di Malaysia. Selain itu, perluasan capaian jalur lebar gentian optik disasarkan mencecah 9 juta premis menjelang 2025. Sehingga Disember 2022, liputan 4G telah mencapai 96.9% kawasan berpenduduk dan memberikan manfaat kepada sekitar 7.7 juta premis dengan capaian kepada gentian jalur lebar. Fasa 2 JENDELA akan memberikan tumpuan kepada kawasan luar bandar dan pedalaman yang masih belum diliputi bagi memastikan keterangkuman dalam landskap digital. Selain itu, pelancaran rangkaian 5G telah mencapai 47.1% daripada jumlah kawasan berpenduduk pada akhir 2022 iaitu melepasi sasaran awal 37.9%. Pencapaian ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan dalam menyediakan kesalinghubungan digital yang meluas dan berkualiti tinggi untuk memacu Malaysia ke arah masa hadapan yang berteknologi tinggi seterusnya memupuk inovasi dan memangkin pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan telah mengambil langkah yang signifikan untuk meningkatkan peranan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menerajui usaha mempertingkatkan kerangka perundangan dan menyelaras inisiatif bagi memerangi ancaman keselamatan siber dengan berkesan. Sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) yang dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada penghujung 2023. Mulai tempoh Oktober 2022 hingga Jun 2023, NSRC berjaya menangani lebih 15,500 aktiviti penipuan secara dalam talian. Selain itu, bagi memperkukuh keselamatan pelanggan yang melaksanakan aktiviti perbankan secara dalam talian, BNM

telah mewajibkan dasar "kill switch" bagi semua institusi perbankan. Dasar strategik ini telah berjaya dilaksanakan oleh beberapa bank dalam mempertingkatkan langkah keselamatan dan keyakinan pelanggan terhadap transaksi perbankan secara dalam talian. Strategi pelbagai peringkat tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memperkukuh keselamatan siber dan memelihara integriti landskap digital negara.

Kerajaan komited untuk memacu inovasi dalam syarikat pemula dan memperkukuh ekosistem perusahaan tempatan. Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan GLC merupakan pemain penting dengan pelaburan modal teroka yang signifikan. Khazanah telah menyediakan peruntukan berjumlah RM1 bilion melalui Dana Impak untuk membantu syarikat pemula tempatan yang menunjukkan komitmen dalam membudayakan inovasi dan keusahawanan. Pada masa yang sama, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) telah melaksanakan usaha menguruskan Dana Asas berjumlah RM100 juta untuk mempercepat pertumbuhan syarikat dan meningkatkan ekuiti Bumiputera. Selain itu, tambahan RM40 juta disediakan kepada PMKS melalui Dana Pelaburan Bersama Malaysia (MyCIF) oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dalam bentuk pendanaan ekuiti awam (ECF) dan Pembiayaan antara Rakan Setara (P2P). Inisiatif tersebut secara keseluruhan mencerminkan pendekatan holistik Kerajaan dan badan berkaitan untuk terlibat secara aktif dalam menggalakkan perkembangan ekosistem syarikat pemula seterusnya memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Tekad 3: Keadilan Sosial untuk Menyederhana Kesenjangan

Belanjawan 2023 memberikan fokus ke arah melaksanakan pembaharuan institusi dan menyokong keadilan sosial. Inisiatif utama bertujuan untuk membasmi kemiskinan tegar, mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup, memupuk keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat serta memastikan penyediaan

kemudahan asas berkualiti tinggi untuk semua. Sehubungan itu, program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) telah diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan tegar dan meningkatkan pendapatan keluarga miskin dan mudah terjejas. Sejumlah RM750 juta telah diperuntukkan bagi inisiatif ini melalui tiga subprogram iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Sehingga Julai 2023, semua inisiatif tersebut telah dilaksanakan dengan penyaluran sebanyak RM82 juta yang memanfaatkan lebih 3,000 penerima.

Selain itu, Kerajaan telah memberikan jaminan untuk terus melaksanakan pelbagai inisiatif dalam bentuk bantuan tunai dan barangan (in-kind) untuk membantu isi rumah yang mudah terjejas. Sehingga Julai 2023, sebanyak RM10.4 bilion bantuan tunai telah disalurkan kepada 15.9 juta penerima daripada keluarga miskin tegar, isi rumah kumpulan B40, belia dan pelajar institusi pengajian tinggi. Bantuan tersebut termasuk inisiatif Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARa) dan eBeliaRahmah. Di samping itu, kadar cukai pendapatan untuk individu pemastautin dikurangkan sebanyak 2% bagi setiap banjaran pendapatan bercukai bagi julat antara RM35,000 hingga RM100,000 untuk mengurangkan beban kewangan kumpulan M40. Sementara itu, Kerajaan turut memperkenalkan inisiatif Payung Rahmah bagi mengurangkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Inisiatif tersebut termasuk Menu Rahmah yang melibatkan lebih 15,000 kedai makan untuk menyediakan hidangan lengkap mampu milik pada harga RM5. Di samping itu, Kerajaan juga telah melaksanakan Program Jualan Rahmah dengan peruntukan RM100 juta bagi menawarkan barangan keperluan pada harga sehingga 30% lebih rendah daripada pasaran tempatan.

Program Penyeragaman Harga terus membolehkan penduduk luar bandar dan kawasan terpencil terutamanya di Sabah dan Sarawak membeli tujuh barangan keperluan pada harga lebih rendah yang ditetapkan

oleh Kerajaan. Barangan tersebut iaitu gula pasir putih bertapis kasar, minyak masak, tepung gandum, beras, gas petroleum cecair, petrol RON95 dan diesel. Di samping subsidi bagi barangan tersebut, Kerajaan turut menanggung kos pengangkutan dan pengagihan bagi memastikan harga mampu beli oleh penduduk. Pada 2023, program ini diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta berbanding peruntukan keseluruhan sebanyak RM200 juta pada tahun sebelumnya. Skop program diperluas kepada 25 zon baharu termasuk Paloh dan Passin di Sarawak, Pasir Raja di Terengganu serta Kuala Krai di Kelantan.

Dalam menangani kesan buruk pandemik, sistem perlindungan sosial telah ditambah baik melibatkan individu yang bekerja sendiri melalui perlindungan insurans sosial di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). Di bawah inisiatif ini, Kerajaan telah menyediakan sejumlah RM100 juta sebagai insentif kepada penjarum bekerja sendiri yang meliputi 80% daripada caruman untuk Skim Pekerjaan Sendiri (SPS) Padanan Caruman dan 100% untuk SPS MADANI. Pada akhir Julai 2023, sebanyak RM38.6 juta telah diagihkan yang memanfaatkan lebih 180,000 penerima. Di samping itu, Kerajaan terus melaksanakan pelbagai program sosial merangkumi pekerja kurang upaya, individu kurang upaya yang tidak bekerja, komuniti Orang Asli, usahawan PKS wanita, warga emas serta institusi penjagaan swasta untuk warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya yang dikendalikan oleh NGO dengan peruntukan sekitar RM2 bilion. Sehingga Julai 2023, sejumlah RM1.1 bilion telah diagihkan kepada kumpulan tersebut.

Dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang mudah diakses, Skim Perubatan MADANI diperkenalkan pada Jun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM100 juta. Inisiatif ini memudahkan rawatan penjagaan primer akut untuk golongan B40 di klinik swasta dan pada masa yang sama dapat mengurangkan kesesakan di jabatan kecemasan hospital

awam. Selain itu, Skim Peduli Kesihatan (PEKA B40) telah memperuntukkan RM80 juta untuk menyediakan sokongan penjagaan kesihatan yang meluas. Skim ini merangkumi pemeriksaan kesihatan dan sebagai insentif untuk meneruskan rawatan kanser serta bantuan tambang pengangkutan ke fasiliti kesihatan awam. Sehingga Julai 2023, lebih RM50 juta telah disalurkan untuk program tersebut. Di samping itu, had nilai bagi pelepasan cukai ke atas perbelanjaan perubatan telah ditingkatkan daripada RM8,000 kepada RM10,000 bagi tahun taksiran 2023. Pelepasan cukai tersebut juga telah diperluas untuk menampung kos rawatan pemulihan bagi kanak-kanak kurang upaya pembelajaran seperti Sindrom Down, Autisme dan Ketidakupayaan Pembelajaran Khusus.

Bagi memperkasakan sektor pertanian dan menangani isu sekuriti makanan, sebanyak RM1 bilion telah disediakan di bawah Skim Kemudahan Agromakanan BNM. Sehingga Julai 2023, sebanyak RM266.7 juta telah disalurkan kepada 372 penerima. Selain itu, bagi meningkatkan lagi hasil pertanian, Kerajaan telah memperuntukkan RM40 juta untuk bekerjasama dengan beberapa kerajaan negeri bagi melaksanakan projek agromakanan dan menggalakkan penggunaan teknologi. Pelbagai subsidi dan insentif juga telah disediakan termasuk benih, baja dan harga yang berjumlah RM1.6 bilion untuk membantu petani padi meningkatkan produktiviti.

Bagi meneruskan pembangunan di Sabah dan Sarawak, sebanyak RM6.5 bilion dan RM5.6 bilion masing-masing telah diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan bagi 2023. Usaha sedang dijalankan untuk mempercepatkan pembinaan projek infrastruktur awam di Sabah dan Sarawak termasuk lebuh raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak-Sabah Link Road. Selain itu, kemudahan awam di Sabah dan Sarawak khususnya di kawasan luar bandar juga ditambah baik dengan mengembangkan infrastruktur jalan dan lampu jalan; menambah baik bekalan air dan elektrik; dan menambah

kemudahan penjagaan kesihatan dan sekolah. Sehingga akhir Julai 2023, sebanyak RM1.9 bilion telah dibelanjakan untuk pembangunan di Sabah dan RM2.2 bilion di Sarawak.

Pengurusan Ekonomi

Setelah berjaya menangani kesan buruk pandemik COVID-19 dengan cekap, ekonomi Malaysia kini berhadapan dengan ketidaktentuan yang berterusan berpunca daripada ketegangan geopolitik yang berpanjangan, tekanan inflasi global, dasar monetari yang diperketat dan peningkatan kesan buruk perubahan iklim. Dalam mendepani pelbagai cabaran tersebut, usaha Kerajaan akan ditumpukan kepada pengurusan fiskal berhemat, pelaburan berkualiti, ekonomi digital dan keterjaminan makanan. Kerajaan juga komited untuk membina semula keyakinan pelabur dengan melaksanakan pembaharuan institusi, memberikan tumpuan ke arah peralihan kepada ekonomi hijau, meningkatkan amalan tata kelola yang baik, memperkemas penyampaian perkhidmatan awam dan menggalakkan pertumbuhan gaji. Usaha juga dilaksanakan bagi melindungi golongan mudah terjejas dalam masyarakat dengan menangani cabaran kenaikan kos sara hidup secara holistik, memacu pembangunan serantau yang seimbang, memperluas sistem perlindungan sosial dan meningkatkan kualiti infrastruktur.

Peluang dan Cabaran

Pertumbuhan Ekonomi yang Mampan

Kemampuan Fiskal

Kemampuan fiskal jangka masa panjang penting bagi membolehkan Kerajaan terus menyokong pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan. Usaha berterusan untuk menambah baik kedudukan fiskal akan memberikan tumpuan kepada meningkatkan mobilisasi hasil, menghapuskan ketirisan dan pembaziran perbelanjaan, mengurus

hutang secara berkesan serta menaikkan keyakinan pelabur dalam jangka masa panjang. Perundangan FRA yang akan berkuat kuasa dapat mempertingkatkan dan memperkukuh lagi tata kelola dan disiplin fiskal dalam menguruskan kewangan negara. Walaupun ekonomi menunjukkan momentum pemulihan, namun cabaran luar seperti kelembapan ekonomi global dan ketegangan geopolitik yang berterusan dijangka menimbulkan risiko kepada kedudukan fiskal, perdagangan, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi. Justeru, kedudukan fiskal yang lebih mampan membolehkan Kerajaan bertindak balas terhadap perubahan ekonomi dan menyediakan penampakan kepada ekonomi dan rakyat daripada kejutan luar jangka.

Pelaburan Berkualiti

Pewujudan ekosistem pelaburan yang kondusif memerlukan dasar yang komprehensif untuk menarik modal, merangsang inovasi dan menjana pekerjaan yang menawarkan pampasan lebih baik. Peningkatan keupayaan negara untuk melaksanakan pelaburan berkualiti terutamanya melalui R&D dapat membudayakan inovasi dan memperkukuh aktiviti perdagangan. Selain itu, negara perlu mengadaptasi kepada peralihan ekonomi dan geopolitik global yang dinamik untuk meningkatkan daya saing di samping menarik dan mengekalkan pelaburan berstatus tinggi.

Pada 2023, kedudukan Malaysia dalam World Competitiveness Yearbook (WCY) yang diterbitkan oleh International Institute for Management Development (IMD) meningkat ke tangga ke-27 daripada ke-32 pada 2022. Kekuatan utama negara termasuk kos harga yang kompetitif, infrastruktur yang baik dan dasar cukai yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, cabaran khusus berkaitan keperluan terhadap ketersediaan bakat masa hadapan yang mencukupi, ekosistem mesra pelaburan dan pembaharuan kawal selia yang komprehensif pada peringkat nasional dan sub-nasional perlu diperkukuh untuk memudahkan cara urusan menjalankan perniagaan. Langkah ini melibatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI)

yang akan meningkatkan kualiti modal insan, menggalakkan R&D dan memacu inisiatif pendigitalan. Pelaksanaan aktiviti secara mampan dan rendah karbon serta pelaburan yang berdaya tahan kini turut menjadi keutamaan selaras dengan peralihan dunia ke arah kemampanan dan penyahkarbonan.

Selain menarik pelaburan daripada syarikat yang lebih besar, peluang perniagaan dan pelaburan yang mencukupi juga perlu disediakan kepada PMKS yang merangkumi sekitar 97.4% daripada jumlah pertumbuhan serta menyumbang lebih daripada 38% kepada KDNK. Pembangunan PMKS melalui aktiviti bernilai tambah tinggi dan pelaburan berteknologi tinggi penting memandangkan PMKS mempunyai peranan dan potensi yang besar untuk memperkukuh ekonomi tempatan. Jalanan hubungan yang lebih erat dengan pelabur asing dan domestik perlu digalakkan bagi meningkatkan lagi pertumbuhan dan kemampanan PMKS seterusnya dapat memperluas landskap ekonomi secara keseluruhan.

Ekonomi Digital

Ekonomi digital merupakan pemangkin penting untuk memacu Malaysia ke arah pertumbuhan yang saksama, inklusif dan mampan. Dokumen KSP RMKe-12 menyasarkan sumbangan ekonomi digital sekurang-kurangnya 25.5% daripada KDNK menjelang 2025 dan meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau menjelang 2030. Pencapaian sasaran tersebut akan disokong oleh kadar penembusan internet yang tinggi yang kini mencatatkan 96.9% dan sambungan internet yang lebih pantas dengan kelajuan purata melebihi 110 Mbps. Selain itu, lonjakan yang signifikan ke arah kemajuan teknologi dalam sektor awam juga telah dicapai melalui pendigitalan perkhidmatan Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, cabaran berkaitan jurang digital masih berterusan disebabkan oleh liputan jalur lebar dan sambungan internet yang terhad di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan. Justeru, jurang

ketidaksamaan dalam penggunaan produk dan perkhidmatan digital merentas pelbagai segmen masyarakat perlu ditangani melalui peluasan akses kepada pembiayaan untuk perniagaan dan meningkatkan kemahiran digital. Selain itu, terdapat keperluan untuk menangani cabaran pengawalseliaan terutamanya berkaitan perlindungan data peribadi dan keselamatan siber berikutan rangka kerja kawal selia semasa yang tidak bersepadu yang berisiko menghalang pembangunan ekonomi digital. Dalam hal ini, penyelesaian komprehensif untuk menangani cabaran tersebut penting dalam memastikan transformasi digital negara yang inklusif seterusnya meningkatkan potensi ekonomi digital ke arah ekonomi yang mampan.

Sekuriti Makanan

Subsektor agro-makanan kekal penting bagi memastikan keterjaminan makanan untuk menyokong penggunaan domestik. Walaupun pengeluaran makanan meningkat, namun Malaysia masih bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan domestik. Sebagai contoh, pengeluaran beras tempatan telah berkurang 6.6% pada 2022 manakala import beras meningkat 4.8%. Keadaan ini diburukkan lagi dengan penurunan kadar sara diri (SSR) beras kepada 62.6% pada 2022 (2021: 65.2%). Selain itu, kawasan tanah pertanian yang semakin berkurang terutamanya untuk penanaman padi telah menjejaskan lagi keterjaminan makanan dan sara diri. Perubahan iklim disebabkan oleh ketidaktentuan cuaca meningkatkan lagi ancaman terhadap pengeluaran hasil tanaman dan ternakan. Bagi menangani pelbagai isu keterjaminan makanan tersebut, KSP RMKe-12 telah menggariskan pelbagai langkah yang memberikan penekanan kepada kepentingan pelaksanaan strategi yang komprehensif dan bersesuaian. Strategi tersebut merangkumi penambahbaikan amalan pertanian, mengoptimalkan penggunaan tanah secara mampan serta mengguna pakai strategi yang berdaya tahan iklim dan kemajuan teknologi bagi menjamin bekalan sara diri makanan negara yang stabil dan mencukupi.

Pembaharuan Institusi

Peralihan kepada Ekonomi Hijau

Peralihan Malaysia kepada ekonomi hijau berdepan pelbagai cabaran disebabkan oleh kebergantungan yang tinggi terhadap bahan api fosil seterusnya boleh melemahkan pertumbuhan ekonomi berikutan permintaan global yang beralih kepada sumber tenaga boleh baharu. Bagi memastikan peralihan yang berkesan, negara perlu mempelbagaikan sumber tenaga dan melabur dalam infrastruktur yang mampan di samping memastikan peralihan yang adil dan saksama kepada industri dan PMKS berintensifkan

karbon. Sebagai sebuah negara mega biodiversiti yang dikurniakan dengan ekosistem pelbagai, Malaysia mempunyai tanggungjawab besar dalam menguruskan penggunaan tanah secara berkesan dan mampan untuk memelihara warisan semula jadi. Malaysia memerlukan usaha gigih dalam mendepani cabaran tersebut untuk mencapai ekonomi hijau. Kejayaan tersebut bergantung kepada pendekatan strategik yang mengharmonikan pembangunan ekonomi dengan pengawasan alam sekitar dan keterangkuman sosial, dasar yang komprehensif, kesedaran awam yang lebih tinggi dan kerjasama antarabangsa yang erat dalam membentuk masa depan yang mampan untuk negara.

RENCANA 1.1

Peralihan Adil dan Saksama Demi Masa Hadapan yang Mampan

Pengenalan

Akibat daripada keperluan mendesak di peringkat global untuk menangani perubahan iklim dan kesannya yang meluas, konsep “Peralihan Adil dan Saksama” muncul sebagai prinsip panduan utama bagi kebanyakan negara untuk memudah cara peralihan ke arah masa depan yang mampan. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, negara membangun memerlukan lebih banyak tumpuan terhadap adaptasi dan pembinaan ketahanan kerana kadar kemiskinan dan sektor informal yang meningkat; lebih mudah terjejas akibat risiko luar jangka; dan kebergantungan tinggi kepada sektor pertanian dan pelancongan serta bahan api fosil. Usaha mengatasi jurang pelaburan dan teknologi bagi negara membangun perlu diberi penekanan dengan mengambil kira kekangan kedudukan semasa makroekonomi. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap transformasi sosial dan jaringan keselamatan yang lebih meluas diperlukan bagi mencapai peralihan yang adil dan saksama. Tumpuan akan diberikan bagi memastikan tiada yang terpinggir serta dilaksanakan melalui dan merentasi setiap rantai nilai dalam melindungi hak asasi manusia dan mempertahankan hak buruh. Tambahan pula, terdapat keperluan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai impak Peralihan Adil dan Saksama merentasi negara termasuk kesan terhadap perdagangan.

Konsep ini menerangkan interaksi penting antara pembangunan negara, mitigasi dan adaptasi perubahan iklim serta keadilan sosial. Dalam konteks Malaysia yang diberkati dengan kesejahteraan dan perpaduan sosial; kepelbagaian dan kekayaan ekologi; serta kemajuan ekonomi dan teknologi yang progresif, konsep Peralihan Adil dan Saksama akan membuka jalan ke arah masa depan yang mampan tanpa meminggirkan sesiapa. Secara keseluruhan, kerumitan Peralihan Adil dan

Saksama memerlukan lebih penekanan untuk mengharmonikan usaha tindakan iklim dan keadilan sosial berpandukan prinsip teras peralihan tersebut. Pendekatan pembaharuan ini akan menangani cabaran yang bakal dihadapi melalui kajian semula dasar dan menambah baik tata kelola di samping memanfaatkan peluang baharu.

Memahami Keperluan bagi Peralihan yang Adil dan Saksama

Kecelaruan iklim dan perubahan geopolitik telah memaksa kebanyakan negara bertindak balas dengan cara tersendiri bagi menguruskan ketersediaan sumber dan mengelakkan kemelesetan ekonomi. Ancaman peningkatan pemanasan global memberikan kesan buruk kepada sistem iklim dunia. Keadaan ini menyumbang kepada cuaca ekstrem yang menyebabkan bencana alam semakin meningkat dan teruk, risiko kesihatan dan inflasi serta kekurangan bekalan makanan dan air. Penggunaan dan harga tenaga telah meningkat secara mendadak di seluruh dunia. Konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan juga menjejaskan aliran sumber asas dan rantai bekalan. Segala cabaran yang dihadapi telah mengakibatkan peningkatan penghijrahan manusia demi kehidupan yang lebih baik. Di samping itu, dunia masih dalam proses pemulihan daripada pandemik dan ramai masih berwaspada. Sehubungan itu, keterjaminan tenaga, air dan makanan serta keselamatan sempadan terus menjadi agenda utama kebanyakan negara dalam beralih ke arah penyahkarbonan, pertumbuhan berdaya tahan dan pembangunan mampan.

Bagi mendepani cabaran tersebut, terdapat negara yang mengambil tindakan secara unilateral seterusnya meningkatkan tekanan ekonomi pada peringkat antarabangsa. Kesatuan Eropah (EU) telah menetapkan syarat perdagangan baharu di bawah *Carbon Border Adjustment Mechanism* (CBAM) dan *EU Deforestation-free Regulation* (EUDR) yang akan menjejaskan kemasukan kebanyakan produk dan perniagaan ke pasaran EU. Terdapat juga beberapa negara lain yang sedang mengkaji kesesuaian memperkenalkan syarat serupa. Justeru, industri Malaysia perlu meningkatkan kesediaan dalam mendepani peralihan tersebut. Kebanyakan syarikat multinasional terikat dengan undang-undang dan peraturan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) di negara ibu pejabat syarikat tersebut beroperasi yang mewajibkan pematuhan merentasi rantai nilai. Selain itu, kebanyakan pelabur antarabangsa terus meningkatkan usaha menyokong portfolio ESG yang kukuh.

Selaras dengan perkembangan terkini, kebanyakan negara sedang mempergiatkan usaha bagi menerapkan dasar dan pelaksanaan tata kelola yang beretika dan mampan. Kegagalan untuk bertindak dengan pantas terhadap perkembangan antarabangsa tersebut akan menyebabkan negara ketinggalan dan akan menanggung kos ekonomi yang ketara. Oleh itu, persekitaran yang kondusif adalah perlu untuk mempercepat peralihan ekonomi yang didorong oleh bahan api fosil kepada penggunaan tenaga yang lebih bersih secara cekap bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan berdaya tahan.

Bukti saintifik jelas menunjukkan bahawa negara maju merupakan penyumbang terbesar kepada masalah perubahan iklim dunia. Walaupun setiap negara bertanggungjawab dalam menangani perubahan iklim, namun begitu negara maju lebih berupaya untuk membantu usaha menangani perubahan iklim pada peringkat antarabangsa dan mendepani kesannya. Krisis ekonomi baru-baru ini akibat pandemik COVID-19 dan ketegangan geopolitik telah memberi tekanan kepada negara

maju dalam membantu negara membangun yang kurang berkemampuan menangani perubahan iklim. Sokongan sedemikian amat penting bagi memastikan peralihan yang saksama merentasi negara berlandaskan prinsip Perjanjian Paris¹ yang memperakui bahawa setiap negara perlu bersama-sama bertanggungjawab dalam menangani isu perubahan iklim mengikut keupayaan masing-masing.

Perspektif Malaysia: Cabaran dan Peluang

Kesan perubahan iklim semakin ketara dan dialami terutamanya oleh golongan mudah terjejas di seluruh dunia termasuk Malaysia. Kenaikan paras laut, monsun yang semakin mengganas serta keadaan cuaca yang tidak menentu menjejaskan mata pencarian dan memusnahkan ekosistem tempatan. Pada 2022, negara dilanda kejadian banjir, ribut dan tanah runtuh yang dahsyat manakala pada tahun ini, peningkatan suhu secara mendadak telah menyebabkan penggunaan tenaga dan air meningkat. Kesannya, golongan yang mempunyai capaian maklumat dan sumber terhad akan terbeban seterusnya mengakibatkan ketidakseimbangan sosioekonomi. Justeru, strategi untuk menangani perubahan iklim perlu diseimbangkan dengan tuntutan mendesak ke arah peralihan pertumbuhan mampan agar jurang ketidakseimbangan tidak melebar.

Sungguhpun peralihan ini penting demi masa hadapan yang mampan, terdapat pelbagai cabaran ekonomi dan sosial yang perlu ditangani. Pendekatan peralihan secara adil dan saksama melibatkan usaha memaksimumkan manfaat sosial dan ekonomi daripada tindakan iklim di samping meminimumkan kesan sampingan serta mengurus cabaran secara berhemat. Teras konsep ini bertujuan memperjuangkan keadilan dan kesejahteraan sosial dengan memastikan segenap lapisan rakyat disokong melalui pelbagai dasar dan tindakan. Selaras dengan usaha penyahkarbonan, terdapat keperluan mendesak bagi memastikan peralihan yang adil dan saksama untuk rakyat melalui penggabungan elemen mitigasi dan adaptasi iklim serta pengurusan keupayaan daya tahan. Peralihan ini juga perlu mengambil kira kesan yang mungkin berlaku terhadap pekerjaan, komuniti, kemajuan teknologi dan kestabilan ekonomi selaras dengan hasrat Malaysia untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dengan amalan kelestarian alam sekitar yang bertanggungjawab.

Keadilan dan kesaksamaan alam sekitar juga penting terutamanya untuk mengimbangi antara kesukaran dalam mengurangkan kesan aktiviti manusia terhadap alam sekitar dengan usaha menangani kesan negatif alam sekitar kepada masyarakat. Peningkatan dalam permintaan tenaga, air dan makanan terus menyerlahkan keperluan peralihan yang adil dan saksama. Golongan mudah terjejas biasanya merupakan golongan paling mudah terkesan oleh gangguan bekalan sumber utama tersebut. Perancangan yang teliti dan usaha secara bersepadu penting untuk membina keupayaan daya tahan bagi memanfaatkan segenap lapisan masyarakat di samping memastikan ketersediaan sumber secara berterusan.

Kemajuan teknologi dan inovasi dapat membantu dalam menghadapi cabaran tersebut. Teknologi tenaga bersih, amalan pertanian mampan dan ekosistem ekonomi kitaran membuka laluan ke arah ekonomi yang berdaya maju pada masa hadapan di samping mengurangkan kesan negatif

¹ Perjanjian Paris adalah satu perjanjian antarabangsa di bawah UNFCCC yang diterima pakai pada 2015 bertujuan untuk menghadapi perubahan iklim dengan menghadkan pemanasan global di bawah suhu 2 darjah Celsius berbanding suhu pra-perindustrian, dan berusaha menghadkan kenaikan suhu di bawah 1.5 darjah Celsius di samping meningkatkan daya tahan iklim dan kerjasama antara negara.

terhadap alam sekitar. Peluang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan semakin berkembang pesat. Pekerjaan hijau, pelaburan dalam tenaga boleh baharu dan perancangan bandar yang teliti akan menjana peluang kemakmuran ekonomi serta mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, usaha menghijaukan ekonomi dapat menambah baik keupayaan untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan sisa serta mengurus sumber asli secara mampan. Di samping itu, usaha ini dapat menjana pekerjaan hijau yang berkualiti serta boleh menyumbang kepada pembasmian kemiskinan dan keterangkuman sosial.

Perjalanan Peralihan Adil dan Saksama bagi Malaysia

Kerangka global dan tempatan menyediakan amalan terbaik dalam merealisasikan peralihan yang adil dan saksama. Perjanjian antarabangsa terutamanya Perjanjian Paris menyediakan platform untuk menggerakkan tindakan iklim secara bersepadu. Sebagai negara yang meratifikasi Perjanjian Paris, Malaysia telah menyatakan komitmen untuk mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan daya tahan terhadap cabaran iklim. Komitmen global tersebut menjadi asas dalam penggubalan dasar pada peringkat nasional dan serantau menggunakan pelbagai pendekatan yang meliputi semua aspek bagi menyokong peralihan yang adil dan saksama.

Sebagai negara yang berkembang pesat, progresif dan inovatif, Malaysia sentiasa terkedepan dalam agenda kemampanan. Pada peringkat nasional, Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025 (RMKe-12) telah menetapkan hala tuju ke arah pembangunan mampan, pertumbuhan inklusif dan perlindungan alam sekitar. Rangka kerja dasar yang komprehensif ini menerapkan prinsip peralihan yang adil dan saksama dengan mengambil kira kesalinghubungan matlamat ekonomi, sosial dan alam sekitar. Industri dalam semua sektor yang meliputi semua rantaian nilai mempunyai peranan dalam menggerakkan peralihan secara adil dan saksama. Walaupun peralihan yang adil dan saksama relevan dalam semua sektor, namun pendekatan ini perlu mengikut kesesuaian aktiviti perniagaan dan situasi tempatan.

Dalam merealisasikan usaha tersebut, kerjasama bersepadu melibatkan pelbagai kementerian dan agensi penting dalam menyelaraskan dan melaksanakan inisiatif yang dirancang. Malaysia akan mempercepat penerapan amalan mampan dengan memupuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk pihak berkuasa tempatan; sektor awam dan swasta dengan penyertaan masyarakat sivil. Mengambil kira pertumbuhan ekonomi dan populasi Malaysia di samping peningkatan suhu di rantau ini, sektor tenaga adalah kritikal dalam memastikan peralihan yang adil dan saksama.

i. Melakar Masa Depan Tenaga Malaysia

Sektor tenaga merupakan nadi kepada anjakan perubahan yang diperlukan. Walaupun penggunaan tenaga perlu bagi pertumbuhan ekonomi, namun kebergantungan dunia terhadap bahan api fosil telah menjadi punca utama kepada permasalahan iklim. Justeru, kesepaduan Dasar Tenaga Negara (DTN) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta pelbagai dasar dan instrumen ekonomi dapat menyokong pencapaian objektif jangka masa panjang tenaga boleh baharu (RE) terutamanya melalui solar, hidro dan biobahan api. Dasar tersebut juga akan menggalakkan penggunaan solar atas bumbung dan ladang solar berskala besar di samping pelaburan dalam sistem penyimpanan bateri serta ekonomi hidrogen yang semakin berkembang.

Bagi memastikan hasil pertumbuhan ekonomi diagihkan secara saksama di seluruh wilayah dan komuniti, industri utama yang akan terjejas teruk perlu diberi perhatian khusus. Dasar sektor tenaga sedia ada seperti DTN dan NETR menggariskan langkah untuk mengekalkan daya saing sektor minyak dan gas di samping mengurangkan kebergantungan kepada arang batu. Proses peralihan tenaga ini perlu disokong bagi merealisasikan peralihan sektor ke arah model pertumbuhan rendah karbon. Pada masa yang sama, langkah perlu diambil bagi mengurangkan kesan negatif kepada tenaga kerja melalui penyediaan program peningkatan kemahiran dan latihan semula secara komprehensif dan berterusan dalam ekosistem industri tenaga. Walau bagaimanapun, memandangkan proses peralihan tersebut akan turut memberi impak kepada sektor lain, maka langkah perlu diambil bagi menyediakan industri lain dalam mendepani peralihan rendah karbon.

ii. Mengukuhkan Ekosistem Perniagaan Malaysia

Memandangkan kebanyakan negara di seluruh dunia mula melaksanakan penyahkarbonan seiring dengan peningkatan kesalinghubungan global, desakan antarabangsa yang menyokong pelaksanaan tindakan iklim secara menyeluruh telah mula mempengaruhi industri domestik Malaysia. Instrumen kawal selia unilateral seperti CBAM berpotensi memberikan kesan kepadaimbangan dagangan Malaysia melalui pengenaan cukai karbon ke atas barangan import terpilih EU. Selain EU, beberapa negara lain juga sedang mempertimbangkan pengenaan peraturan yang sama dan seterusnya boleh memberikan ancaman lebih besar kepada eksport Malaysia.

Usaha perlu dipertingkatkan bagi mengukuhkan industri dan perniagaan Malaysia supaya lebih proaktif dalam pematuhan CBAM dan peraturan lain seumpamanya yang dikenakan oleh rakan dagang seperti EUDR. Usaha tersebut digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang menyasarkan untuk memajukan kepelbagaian ekonomi tempatan, menggalakkan inovasi, memastikan keterjaminan rantaian bekalan, mengguna pakai teknologi dan transformasi digital serta memberikan tumpuan kepada amalan mampan dan inisiatif hijau. Pematuhan terhadap prinsip ESG yang teguh dan langkah mudah cara pelaburan dalam ekonomi rendah karbon akan mendorong industri untuk mengurangkan jejak karbon terutamanya dalam sektor yang mempunyai tahap pelepasan karbon yang tinggi. Peralihan ini dapat menggalakkan pewujudan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan agenda penyahkarbonan dalam aktiviti perindustrian dan rantaian bekalan, terutamanya sektor tenaga, pengangkutan, pembinaan dan pertanian.

iii. Pasaran Buruh yang Hijau dan Kondusif

Dasar dan amalan buruh yang adil serta kerja berkualiti merupakan kunci kejayaan dalam peralihan secara adil dan saksama. Walau bagaimanapun, dasar dan peraturan kemampanan boleh meningkatkan beban terhadap industri sedia ada dan berpotensi menjadikan pekerjaan tertentu tidak lagi relevan. Melindungi hak dan kesejahteraan pekerja perlu diutamakan seiring dengan evolusi sektor dan peralihan industri. Justeru, keperluan pekerja dan industri perlu diambil kira dalam setiap perancangan peralihan supaya dapat mengurangkan ketidaktentuan dan melancarkan proses peralihan. Keperluan ini termasuk meningkatkan pelaburan dalam pendidikan, latihan dan peluang peningkatan kemahiran sebagai persediaan bagi pekerja untuk memenuhi permintaan industri hijau yang semakin berkembang seterusnya memperkasakan pekerja untuk kekal berdaya saing dalam landskap yang dinamik. Pekerja tersebut dapat memanfaatkan kepakaran sedia ada dalam bidang tenaga yang lebih bersih seperti solar atau hidrogen, seterusnya memastikan kelangsungan kerjaya dan kehidupan.

iv. Ekosistem Perakaunan Karbon yang Teguh

Terdapat keperluan untuk mewujudkan ekosistem perakaunan karbon² yang teguh dan komprehensif untuk menyokong industri dan perniagaan tempatan berikutan desakan peraturan karbon antarabangsa yang baharu serta peningkatan keperluan pelaporan tempatan. Dalam situasi tersebut, perniagaan tempatan dikehendaki mengira dan melaporkan pelepasan karbon yang berkaitan dengan proses pengeluaran. Ekosistem ini menyediakan instrumen untuk menilai dan melaporkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) dengan tepat yang seterusnya meningkatkan akauntabiliti perniagaan untuk mencapai sasaran penyahkarbonan tanpa mengira saiz perniagaan. Pembangunan ekosistem ini memerlukan usaha bersepadu sektor awam dan swasta untuk mendorong perniagaan mencapai matlamat tersebut. Pada masa yang sama, usaha ini meningkatkan penawaran dan permintaan untuk aktivitiimbangan karbon dan kredit karbon yang dijana dalam negara dan seterusnya menyalurkan dana tambahan bagi inisiatif rendah karbon yang merangkumi penyahkarbonan sektor tenaga serta pelaburan untuk pemuliharaan dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi.

v. Peranan Penting Sektor Kewangan

Sektor kewangan muncul sebagai pemangkin dalam melancarkan peralihan yang adil dan saksama. Inisiatif yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia telah melancarkan Taksonomi Berasaskan Perubahan Iklim dan Prinsip (CCPT), garis panduan serta pelaporan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang mengurangkan risiko kewangan berkaitan dengan perubahan iklim dan kemampuan. Pada masa yang sama, peranan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam akan mengukuhkan lagi keupayaan pembiayaan negara untuk menyokong kemampuan serta peralihan yang adil dan saksama terutamanya melalui ekosistem kewangan Islam negara yang lengkap dan komprehensif dengan berteraskan strategi dalam mengetengahkan kewangan berasaskan nilai. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk menyepadukan pertimbangan risiko ESG dalam membuat keputusan pembiayaan dan pelaburan, iaitu Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI), pembiayaan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta Panduan Sektorial Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBIAF). Usaha ini disokong oleh pelbagai peserta pasaran yang menghasilkan instrumen kewangan yang inovatif secara berterusan bagi menyalurkan pelbagai bentuk modal untuk menyokong kemampuan.

Pada masa kini, institusi kewangan Islam Malaysia terus memberikan impak positif kepada ekonomi dan masyarakat melalui kewangan berasaskan nilai bagi tujuan yang produktif seperti memelopori sukuk hijau dan mampan, wakaf serta pembiayaan rumah *musharakah mutanaqisah*³. Selain itu, terdapat juga program kewangan untuk penghijauan rantai nilai bagi membantu PKS melaksanakan perubahan jangka masa panjang yang berimpak tinggi dalam menghijaukan operasi perniagaan. Pihak BNM juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan gabungan dan pembiayaan bukan hutang dalam membangunkan kemahiran perniagaan dan membina daya tahan kewangan PKS untuk meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pemahaman mendalam mengenai *Maqasid Syariah* akan memperkukuh kewangan Islam bagi mengimbangi antara keperluan sosial dan alam sekitar dengan pembangunan ekonomi.

² Melibatkan kalkulator karbon, pengesah, piawaian dan garis panduan, juruaudit, sistem pendaftar dan lain-lain.

³ *Musarakah* boleh dimeterai oleh dua atau lebih pihak ke atas aset atau usaha niaga tertentu yang membolehkan salah satu pihak memperoleh pegangan saham pihak yang lain secara beransur-ansur melalui kaedah penebusan yang dipersetujui semasa tempoh kontrak *musharakah*. Pembiayaan tersebut dikenali sebagai *musharakah mutanaqisah*.

vi. Libat Urus Masyarakat: Pendekatan Inklusif

Peralihan secara adil dan saksama dalam menangani perubahan iklim dengan berkesan melalui pendekatan masyarakat secara menyeluruh memerlukan penglibatan aktif rakyat. Susulan peralihan kepada rendah karbon, Kerajaan dengan kerjasama pihak berkepentingan berkaitan akan memastikan keperluan rakyat terpelihara. Kempen kesedaran mengenai isu dan kesan perubahan iklim merupakan langkah awal dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan menyegerakan pelaksanaan tindakan iklim. Di samping itu, jaringan keselamatan sosial perlu diperkukuh untuk meningkatkan perlindungan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi mengurangkan risiko ekonomi dan kewangan berkaitan perubahan iklim dan peralihan rendah karbon. Oleh itu, usaha ini akan melindungi golongan tersebut daripada kejutan ekonomi dan tekanan inflasi yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Pengenalan instrumen penetapan harga karbon di samping rasionalisasi subsidi akan menjana pembiayaan bagi memperkukuh keterjaminan tenaga, makanan dan air negara seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.

vii. Mempelopori Peralihan Adil dan Saksama Serantau

Malaysia berpotensi untuk menerajui usaha iklim di rantau ini disokong oleh asas yang kukuh dalam pertumbuhan ekonomi, kemampuan, pembiayaan Islam dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi. Ketika negara ASEAN lain mula beralih kepada negara rendah karbon, kerjasama serantau perlu diperkukuh untuk mengurangkan pelepasan GHG, meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu serta melaksanakan instrumen ekonomi yang berkaitan. Selain daripada pembangunan taksonomi iklim pada peringkat ASEAN yang seragam, wacana mengenai penubuhan mekanisme penetapan harga karbon secara universal juga akan mendorong usaha tindakan iklim serantau seterusnya mempersiapkan rantau ini dalam menghadapi cabaran mendatang.

Kesimpulan

Selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI, pendekatan peralihan secara adil dan saksama akan memacu Malaysia ke hadapan bagi memenuhi agenda tindakan iklim dan pembangunan saksama. Pendekatan ini akan mengharmonikan isu berkaitan tindakan iklim dan pembangunan rendah karbon ketika Malaysia berdepan cabaran mencapai status negara berpendapatan tinggi di samping mengurus warisan semula jadi dan melindungi rakyat. Justeru, individu, kerajaan, syarikat dan masyarakat sivil perlu bersatu padu memacu trajektori pembangunan negara.

Peralihan yang adil dan saksama akan menyediakan rangka kerja tindakan merentasi sempadan dan sektor bagi menghadapi krisis iklim yang semakin meruncing. Peralihan ini memerlukan komitmen bersepadu daripada masyarakat tempatan sehingga persada antarabangsa yang merangkumi masa hadapan dengan keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar saling terjalin. Berpandukan prinsip Peralihan Adil dan Saksama serta kerangka Ekonomi MADANI, Malaysia melakar trajektori pembangunan ke arah masa hadapan mampan, terangkum dan celik alam sekitar yang menekankan keseimbangan pertumbuhan ekonomi, mitigasi dan adaptasi iklim serta keadilan sosial.

Tata Kelola yang Baik

Tata kelola yang baik penting untuk memupuk keyakinan dan kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan yang mencerminkan kecekapan pentadbiran Kerajaan. Walau bagaimanapun, laporan WCY IMD 2023 telah mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan terutamanya melibatkan perundangan berkaitan perniagaan dan rangka kerja kemasyarakatan. Justeru, terdapat keperluan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat sivil dan rakyat dalam penggubalan dasar. Selain itu, Prinsip Tadbir Urus Baik (PGG) untuk syarikat GLIC menyediakan rangka kerja bagi menggalakkan amalan tadbir urus yang mampan. Garis panduan ini bertujuan untuk menambah baik tata kelola korporat dengan memberikan penekanan kepada aspek ESG.

Penyampaian Perkhidmatan Awam

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan dan cekap, usaha ditumpukan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui pelaburan dalam pembangunan modal insan dan digitalisasi. Pencapaian objektif tersebut memerlukan pendekatan menyeluruh merangkumi tata kelola yang lebih baik, mengurangkan birokrasi, meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan kapasiti pembangunan serta komitmen penuh dalam memenuhi keperluan rakyat. Bagi mempercepat proses peralihan ke arah pendigitalan, sektor awam perlu tangkas dan seiring dengan trend semasa. Pencapaian ini memerlukan proses pengambilan modal insan yang lebih strategik serta pelan latihan semula kepada tenaga kerja sedia ada. Selaras dengan visi Kerajaan untuk membina semula perkhidmatan awam yang

dinamik, piawaian tadbir urus kepimpinan dan pembuatan keputusan perlu diperhalusi. Oleh itu, penyediaan latihan yang mencukupi dan peluang peningkatan kerjaya penting untuk memastikan tenaga kerja yang kompeten.

Gaji

Malaysia telah berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang signifikan dan mencapai status ekonomi berpendapatan sederhana tinggi sejak 30 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini masih belum diterjemahkan kepada agihan pendapatan yang saksama untuk pekerja. Pampasan pekerja (PP) yang kekal rendah mencerminkan struktur pasaran buruh bergaji rendah yang berterusan. Pada masa ini, bahagian PP mencatat sekitar 35% kepada KDNK berbanding sasaran 40% menjelang 2025. Peningkatan pertumbuhan purata gaji sebanyak 4.3%² hanya menghasilkan kenaikan sebanyak RM106 setahun kepada pekerja. Kenaikan sederhana ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan isi rumah terutamanya golongan berpendapatan rendah bagi mencapai taraf hidup yang wajar. Isu gaji rendah telah menyebabkan penglibatan tenaga kerja tempatan yang terhad dalam kategori pekerjaan yang lebih rendah, meningkatkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dan menekan produktiviti buruh. Justeru, usaha menangani isu gaji rendah penting kepada Malaysia untuk mempertingkatkan potensi modal insan sepenuhnya dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang seimbang seterusnya memberikan manfaat kepada segenap lapisan masyarakat serta menggalakkan pembangunan inklusif.

² Merujuk kepada pertumbuhan gaji bagi warganegara Malaysia sahaja untuk tempoh 2010 hingga 2022.

SISIPAN 1.2

Gaji sebagai Sumber Pertumbuhan

Dengan kerjasama Khazanah Research Institute (KRI)

Pengenalan


Selaras dengan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Langkah tersebut telah membuahkan hasil yang ditunjukkan melalui trend pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan sejak beberapa dekad lalu. Namun begitu, manfaat daripada pertumbuhan ini masih belum diterjemahkan kepada agihan pendapatan yang saksama termasuk keperluan untuk menangani isu gaji pekerja yang rendah dan masih berpanjangan.

Rakyat Malaysia berpandangan bahawa semakin sukar untuk mendepani isu kenaikan kos disebabkan pertumbuhan gaji yang lembap sekali gus menjadi beban tambahan kepada Kerajaan bagi menyediakan subsidi dan bantuan tunai demi mengurangkan tekanan ke atas rakyat. Pengenalan gaji minimum pada 2013 merupakan satu langkah progresif yang penting, namun masih banyak yang perlu dilakukan sekiranya sasaran kerangka Ekonomi MADANI untuk meningkatkan pampasan pekerja kepada 45% daripada KDNK ingin dicapai.

Pengagihan gaji di Malaysia - pertumbuhan dan ketidaksamaan gaji dari 2010 hingga 2019

Kajian oleh Khazanah Research Institute (KRI) pada 2023 mengenai pertumbuhan gaji dari 2010 hingga 2019 telah menunjukkan tiga penemuan penting. Pertama, pasaran buruh di Malaysia bergantung kepada intervensi dasar seperti gaji minimum bagi memastikan pertumbuhan gaji yang saksama dan inklusif. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan gaji

RAJAH 1.2.1. Peratus Perubahan Gaji Benar Bulanan Individu mengikut Kumpulan Penerima Gaji, 2010 – 2019




Sumber: Khazanah Research Institute dan Jabatan Perangkaan Malaysia

tidak meningkat dengan ketara dan secara umumnya semakin merosot tanpa intervensi dasar. Rajah 1.2.1 menunjukkan kesan gaji minimum ke atas pekerja yang berpendapatan rendah dengan membandingkan kadar pertumbuhan gaji mengikut kumpulan penerima gaji antara tahun pelaksanaan dan kenaikan gaji minimum (tempoh GM) dengan tahun sebelum atau tanpa kenaikan gaji minimum (tempoh tanpa GM). Analisis tersebut menunjukkan bahawa pertumbuhan gaji bagi kumpulan penerima gaji 30% terendah bergantung kepada pelaksanaan gaji minimum. Tahap gaji bagi golongan ini akan terus tertekan sekiranya tiada mandat daripada Kerajaan kepada majikan.


Kedua, kesan pelaksanaan gaji minimum hanya terhad kepada kumpulan penerima gaji terendah manakala kumpulan penerima gaji pertengahan mengalami pertumbuhan gaji paling rendah dalam tempoh tersebut seperti dalam Rajah 1.2.2. Dalam nilai ringgit, pertumbuhan gaji bagi penerima gaji pertengahan adalah lebih rendah berbanding pertumbuhan gaji golongan penerima gaji 30% terendah seperti dalam Rajah 1.2.3.

RAJAH 1.2.2. Peratus Perubahan Gaji Benar Bulanan Individu mengikut Peratus Penerima Gaji, 2010 – 2019



Sumber: Khazanah Research Institute dan Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 1.2.3. Perubahan Mutlak (RM) Gaji Benar Bulanan Individu mengikut Kumpulan Penerima Gaji, 2010 – 2019




Sumber: Khazanah Research Institute dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Ketiga, pertumbuhan gaji yang lembap¹ masih merupakan masalah utama dalam pasaran buruh Malaysia walaupun pelaksanaan gaji minimum telah menunjukkan kesan signifikan. Pekerja dalam kumpulan penerima gaji 50% terbawah hanya menerima kenaikan gaji benar bulanan sekitar RM500 bagi tempoh 2010 – 2019 iaitu peningkatan kasar sebanyak RM56 setahun seperti dalam Rajah 1.2.4.

¹ Definisi pertumbuhan gaji yang lembap berbeza mengikut konteks tetapi paling biasa ditakrifkan sebagai keadaan pertumbuhan gaji lebih perlahan atau hampir tidak selaras dengan kadar inflasi atau kos sara hidup.

RAJAH 1.2.4. Perubahan Mutlak (RM) Gaji Benar Bulanan Individu mengikut Peratus Penerima Gaji, 2010 – 2019



Sumber: Khazanah Research Institute dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Penemuan tersebut menjadi asas dalam memahami kesukaran yang dihadapi rakyat Malaysia apabila berhadapan dengan isu peningkatan kos memandangkan kenaikan gaji isi rumah didapati tidak mencukupi untuk menyediakan penampakan terhadap kejutan pada masa hadapan.

Gaji permulaan yang rendah dalam kalangan graduan


Gaji permulaan bagi individu memainkan peranan penting dalam menentukan trajektori pertumbuhan gaji individu secara keseluruhan (Guvenen et. al., 2019). Namun demikian, graduan baharu di Malaysia berdepan dengan masalah pertumbuhan gaji yang lembap sejak lebih sedekad lalu (Rahim, M.A.R.A. dan Suhaimi, S.A., 2022). Lebih 70% daripada graduan yang bekerja memperoleh gaji di bawah RM2,000 sebulan dan lebih membimbangkan apabila peratus graduan yang bergaji antara RM1,000 dan RM2,000 telah meningkat daripada 43.7% pada 2010 kepada 54.6% pada 2020 seperti dalam Rajah 1.2.5.

Selain itu, peratusan graduan yang bergaji melebihi RM2,000 telah berkurang sebanyak 2.3% manakala graduan yang berpendapatan di bawah gaji minimum meningkat daripada 48.8% kepada 51.1% antara 2019 dan 2020 seperti dalam Jadual 1.2.1. Senario ini menunjukkan bahawa sebahagian besar graduan berpendidikan tertiar memasuki pasaran kerja dengan menerima gaji di bawah kadar gaji sara hidup² seperti yang dinyatakan dalam Belanjawanku 2022/2023. Disebabkan kadar gaji permulaan yang rendah, graduan juga mungkin menerima kenaikan gaji yang rendah seterusnya mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai tahap gaji yang mencukupi.

Ketidakupayaan pasaran buruh untuk membayar graduan baharu dengan sewajarnya adalah disebabkan oleh cabaran struktural yang lebih besar dalam penciptaan pekerjaan. Peratusan guna tenaga dalam perkhidmatan tradisional yang berintensif buruh seperti perdagangan borong dan

² Laporan Belanjawanku 2022/2023 oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menganggarkan sekitar RM2,600 bagi seorang dewasa bujang yang memiliki kereta dan tinggal di Lembah Klang pada tahun 2022 - 2023.

RAJAH 1.2.5. Peratus Graduan Bekerja mengikut Julat Pendapatan Bulanan, 2010 - 2020



Sumber: Khazanah Research Institute dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

JADUAL 1.2.1. Peratus Graduan Bekerja mengikut Pendapatan Bulanan, 2019-2020

JULAT PENDAPATAN	2019	2020
Kurang daripada RM1,500	48.8	51.1
RM1,500 - RM2,000	20.0	20.0
Lebih daripada RM2,000	31.2	28.9
Total	100.0	100.0

Sumber: Khazanah Research Institute dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

runcit; penginapan, makanan dan minuman; serta aktiviti pentadbiran dan perkhidmatan sokongan terus meningkat sejak dua dekad lalu (Tumin, S.A., 2021; Rahman, A.A. dan Schmillen, 2020). Penumpuan pewujudan pekerjaan baharu dalam sektor ini telah menyebabkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran³ dalam kalangan graduan meningkat daripada 24.5% pada 2017 kepada 33.9% pada 2021 (DOSM, 2022a).

Kesan daripada gaji rendah

Walaupun cabaran struktural merupakan penyebab kepada masalah gaji, namun trend tahap gaji rendah juga menjadi punca yang menyumbang kepada masalah struktural di Malaysia. Dua trend utama yang dikaitkan dengan isu kekurangan pekerjaan bergaji tinggi ialah penghijrahan bakat (*brain drain*) dan peningkatan jumlah pekerjaan tidak standard seperti pekerjaan gig. Walaupun *brain drain* tidak asing dari perspektif global, namun masalah ini boleh menghalang potensi ekonomi dan sosial bagi negara membangun (Gibson dan McKenzie, 2010).

Berdasarkan kajian Bank Dunia pada 2010, sekitar 54% daripada bakat Malaysia yang berhijrah ke luar negara berada di Singapura. Laporan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada 2019 pula menyatakan bahawa bakat Malaysia yang bekerja di Singapura terdiri daripada dua kumpulan; golongan yang tinggal di Malaysia tetapi bekerja di Singapura (berulang-alik) dan golongan yang tinggal dan bekerja di Singapura (menetap). Dalam kalangan pekerja yang berulang-alik, sebanyak 58% bekerja dalam pekerjaan


³ Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran ditakrifkan sebagai pekerja yang mempunyai pendidikan tertiar tetapi bekerja dalam pekerjaan separuh mahir atau berkemahiran rendah.

separuh mahir dan 10% dalam pekerjaan berkemahiran rendah. Sementara itu, sebanyak 58% daripada pekerja yang menetap kebiasaannya berpendidikan tertiar dan bekerja khususnya dalam pekerjaan mahir iaitu pengurus, profesional dan juruteknik bersekutu.

Kadar gaji lebih tinggi merupakan pendorong utama yang menarik rakyat Malaysia untuk bekerja di Singapura. Penemuan daripada sesi temu duga oleh ILMIA menunjukkan bahawa rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura ditawarkan kadar gaji dan pampasan yang lebih tinggi untuk pekerjaan yang sama di Malaysia. Sementara itu, MEF Salary Survey for 2022 menyatakan bahawa seorang pengurus dalam industri pembuatan menerima gaji pokok sebanyak RM10,304 sebulan manakala jawatan yang sama di Singapura menawarkan SGD7,532 iaitu bersamaan dengan RM24,695⁴. Sementara itu, seorang kerani dalam pentadbiran dan perkhidmatan sokongan menerima gaji sebanyak RM2,065 sebulan berbanding SGD2,000 di Singapura manakala subsektor penginapan dan makanan dan minuman membayar gaji hampir lima kali ganda lebih tinggi di Singapura (Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, 2023; Ministry of Manpower, 2023; DOSM, 2022b). Perbezaan kadar gaji antara Malaysia dengan Singapura juga ditunjukkan dalam pelbagai pekerjaan dan industri lain.

Dari aspek lain, rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dapat menyimpan sebahagian besar daripada pendapatan. Sebanyak 51.1% daripada pekerja yang berulang-alik berupaya menyimpan sekitar 1% - 10% daripada gaji bulanan manakala hampir 60% pekerja yang menetap di Singapura menyimpan lebih daripada 10% (Rajah 1.2.6). Sementara itu, Bank Negara Malaysia pada 2023 melaporkan bahawa hanya 36% daripada isi rumah di Malaysia mampu untuk menampung perbelanjaan bagi tempoh tiga hingga enam bulan sekiranya berlaku kehilangan pendapatan. Laporan Belanjawanku mencadangkan penggunaan nisbah 45/35/20 sebagai panduan bajet iaitu 45% daripada bajet individu perlu diperuntukkan bagi perbelanjaan keperluan, 35% untuk komitmen dan 20% untuk simpanan. Pertumbuhan gaji yang lembap menjadikan semakin sukar bagi individu dan isi rumah untuk menabung dan mendepani isu kenaikan kos.

RAJAH 1.2.6. Peratus Simpanan daripada Gaji Bulanan mengikut Pekerja yang Menetap dan Berulang-Alik, 2018



Sumber: Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh dan Kementerian Sumber Manusia Malaysia

⁴ Merujuk kepada kadar tukaran SGD1 = RM3.2787 pada 29 Disember 2022.

Akibat lain daripada isu gaji ialah pertambahan bilangan lepasan SPM yang memilih pekerjaan gig seperti perkhidmatan p-panggilan atau e-panggilan⁵ berbanding meneruskan pendidikan atau meningkatkan kemahiran teras dan keupayaan dalam landasan kerjaya. Sekitar 26% daripada guna tenaga terlibat dalam pekerjaan gig pada 2020 (Azahar, S., 2020) dan anggaran awal menunjukkan bahawa sektor gig boleh memberikan pendapatan bulanan yang kompetitif berbanding gaji permulaan graduan baharu (Goh dan Umar, 2019).

Faktor penyumbang lain termasuk ketiadaan peluang pekerjaan serta andaian bahawa melanjutkan pelajaran tidak menjamin pekerjaan berkualiti (Mutalib, H., 2022). Walau bagaimanapun, keadaan pekerjaan gig yang tidak menentu boleh menimbulkan risiko besar dalam jangka masa panjang. Kekurangan pengawasan peraturan dalam memastikan standard kerja yang baik dan kesukaran penyampaian bantuan sosial kepada pekerja gig menyebabkan kebanyakan pekerja gig 'tidak dikenal pasti' dan kekal di luar sistem formal (Hamid, H.A. dan Sazali, N.T., 2020). Selain itu, perluasan pekerjaan gig mungkin tidak memberikan pulangan yang menggalakkan kepada ekonomi sekiranya peningkatan tersebut menyebabkan lebih ramai tenaga kerja yang melepaskan peluang pelaburan jangka masa panjang melalui peningkatan kemahiran dan keupayaan.

Limpahan positif daripada gaji yang lebih tinggi

Isu gaji rendah di Malaysia biasanya dikaitkan dengan cabaran produktiviti dalam ekonomi yang memperdebatkan bahawa majikan perlu menunggu sehingga produktiviti meningkat sebelum menaikkan gaji. Pemahaman ini mengetepikan hakikat bahawa pemberian gaji yang lebih tinggi merupakan sebahagian daripada jalan penyelesaian kepada cabaran produktiviti. Sekiranya Malaysia berhasrat untuk keluar daripada belenggu gaji rendah, keuntungan rendah dan produktiviti rendah, model perniagaan serta pertumbuhan ekonomi yang bergantung kepada buruh murah perlu diatasi melalui usaha yang bersepadu untuk meningkatkan gaji.

Peningkatan gaji telah menjadi sebahagian daripada peralihan ekonomi dan industri bagi negara maju di Asia (Wade, 2004). Justeru, negara perlu mendukung matlamat peningkatan gaji sebagai sumber pertumbuhan dan bukan sekadar kesan daripada kemajuan ekonomi. Berdasarkan kajian KRI pada 2019 mengenai corak perbelanjaan isi rumah di Malaysia, hanya 30% isi rumah teratas menunjukkan corak perbelanjaan yang mencerminkan aspirasi "kelas pertengahan"⁶. Penemuan ini menunjukkan bahawa peningkatan gaji bagi golongan berpendapatan rendah dan pertengahan di Malaysia berpotensi untuk meningkatkan saiz pasaran domestik seterusnya memberikan manfaat kepada perniagaan tempatan. Pada 2022, The Centre for Future Labour Market Studies (EU-ERA) telah menjalankan analisis mengenai kesan gaji yang lebih tinggi ke atas ekonomi domestik di Malaysia menggunakan model Computable General Equilibrium⁷ dan mendapati bahawa pertumbuhan gaji boleh memberikan kesan positif kepada penunjuk makroekonomi lain seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.2.2.

⁵ P-panggilan merujuk kepada penghantaran makanan, minuman dan bungkus melalui motosikal. E-panggilan pula ditakrifkan sebagai perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh kenderaan persendirian melalui aplikasi dalam talian.

⁶ Kelas pertengahan ditakrifkan sebagai isi rumah yang mampu mengekalkan atau menambah pelaburan bagi meningkatkan tahap mobiliti serta perlindungan daripada senario yang berisiko.

⁷ Hasil simulasi diperolehi berdasarkan model CGE yang menghasilkan unjuran bagi penunjuk ekonomi, sosial dan alam sekitar sehingga 2030. Model ini mengandaikan bahawa kenaikan kadar gaji mendorong perbelanjaan tambahan oleh isi rumah seterusnya menghasilkan output dan keuntungan tambahan kepada firma.

JADUAL 1.2.2. Simulasi EU-ERA mengenai Kesan Peningkatan Gaji kepada Ekonomi

3%	4%	5%	KENAIKAN KEPADA JUMLAH GAJI
+5.6%	+6.0%	+6.5%	KDNK (harga semasa)
+4.2%	+4.8%	+5.4%	Produktiviti buruh
-2.2%	-2.4%	-2.5%	Ketidaksamaan Pendapatan (Indeks Gini)

Sumber: The Centre for Future Labour Market Studies (EU-ERA) dan Kementerian Kewangan Malaysia

Kesimpulan

Intervensi dasar diperlukan untuk meningkatkan keberhasilan gaji. Analisis berasaskan bukti telah menunjukkan bahawa gaji minimum merupakan intervensi penting dalam pasaran buruh untuk meningkatkan gaji pekerja yang berpendapatan rendah serta mengurangkan ketidaksamaan gaji. Pengajaran utama daripada pelaksanaan gaji minimum adalah langkah progresif, perundingan dan ketegasan diperlukan untuk meningkatkan kesaksamaan dan keterangkuman ekonomi. Justeru, dasar semasa perlu memberikan tumpuan untuk memastikan peningkatan signifikan dalam paras gaji median pada masa hadapan. Sekiranya pelaksanaan gaji minimum telah berjaya meningkatkan gaji golongan pekerja bergaji terendah, maka langkah seterusnya perlu ditumpukan kepada golongan pekerja bergaji pertengahan.

Usaha sedemikian memerlukan kerjasama erat antara Kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja untuk memastikan keberkesanan dan pelaksanaan yang mampan. Kerangka Ekonomi MADANI menekankan keperluan pendekatan seluruh negara dengan tumpuan untuk memperkasakan rakyat demi 'Bersama Membina Malaysia yang Lebih Baik'. Justeru, majikan dan perniagaan perlu mendukung matlamat pertumbuhan gaji sebagai sumber transformasi perniagaan dan ekonomi.

Memerangi Ketidaksamaan

Kos Sara Hidup

Kerajaan terus komited untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas dalam mendepani kenaikan kos sara hidup. Berdasarkan Asian Development Bank, peningkatan kos menyebabkan sebahagian besar penduduk mengalami kesukaran ekonomi yang memerlukan usaha bersepadu untuk membolehkan golongan kurang bernasib baik kekal berdaya tahan dalam menghadapi peningkatan harga dan ketidakpastian ekonomi. Kenaikan kos sara hidup memberikan

kesan ketara kepada tahap kemampuan isi rumah Malaysia terutamanya di kawasan bandar berikutan komitmen kewangan yang ketat termasuk pinjaman. Justeru, isu ini perlu ditangani bagi memastikan kestabilan kewangan dan kualiti hidup yang baik untuk rakyat.

Pembangunan Wilayah yang Seimbang

Pembangunan wilayah yang seimbang penting bagi Malaysia untuk mencapai pertumbuhan yang saksama merentasi seluruh negeri dan wilayah. Walaupun Kerajaan telah melaksanakan inisiatif yang sewajarnya

sebelum ini, namun jurang pembangunan antara wilayah terus wujud melalui ketidaksamaan wilayah, daya tahan bandar yang rendah, cabaran pembangunan luar bandar dan peluang kerjasama sub-wilayah yang belum dioptimumkan. Ketidakseimbangan tersebut telah menimbulkan beberapa isu termasuk penghijrahan luar bandar ke bandar, peningkatan kos sara hidup, ketidaksamaan pendapatan dan kemiskinan bandar. Bagi mencapai pembangunan wilayah yang seimbang, strategi komprehensif diperlukan yang merangkumi pelaburan strategik di kawasan kurang membangun, kesalinghubungan yang lebih baik, sokongan terhadap industri tempatan serta pewujudan peluang pekerjaan.

Sistem Perlindungan Sosial

Kewujudan pelbagai agensi Kerajaan yang melaksanakan program perlindungan sosial dan ketiadaan dasar menyeluruh telah menjejaskan kecekapan penyelarasan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan objektif dan kaedah pemantauan yang berbeza oleh pelbagai agensi menyebabkan pertindihan dan pelaksanaan program secara tidak bersepadu serta peningkatan kos pelaksanaan. Selain itu, kewujudan pelbagai pangkalan data telah menghalang integrasi data dan penyepaduan sistem seterusnya menjejaskan mekanisme penetapan sasaran. Masalah tersebut telah membawa kepada ralat pemasukan dan penyisihan seterusnya menyebabkan ketirisan sumber serta ketidakcekapan dalam penyampaian dan liputan bantuan. Dalam hal ini, pandemik COVID-19 telah meningkatkan keperluan untuk mewujudkan sistem perlindungan sosial yang komprehensif tanpa menjejaskan kemampuan fiskal. Pembangunan sistem serta penyelarasan objektif dan mekanisme pelaksanaan agensi bertanggungjawab akan

meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos serta menyediakan liputan yang lebih baik dan sokongan kepada golongan yang memerlukan.

Infrastruktur Berkualiti

Infrastruktur yang berkualiti merupakan asas kepada aktiviti ekonomi terutamanya melalui peningkatan kesalinghubungan dan kebolehcapaian terhadap kemudahan dan perkhidmatan kepada rakyat. Walaupun sebahagian besar rakyat telah menikmati akses kepada kemudahan asas seperti air bersih, elektrik, sambungan internet dan rangkaian pengangkutan, namun masih terdapat jurang perbezaan disebabkan oleh tahap pembangunan yang berbeza di seluruh negara. Sebagai contoh, beberapa negeri termasuk Kelantan, Sabah dan Sarawak masih memerlukan akses kepada bekalan air bersih yang lebih meluas berbanding kebanyakan negeri lain. Justeru, jurang tersebut perlu ditangani bagi memastikan pembangunan wilayah yang saksama dan meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia. Sementara itu, pelaburan dalam infrastruktur berkualiti tinggi khususnya sistem pengangkutan awam boleh merancakkan aktiviti ekonomi dan menarik pelabur untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di samping menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

Inisiatif Strategik - Belanjawan 2024

Ekonomi MADANI merupakan kerangka asas membina Malaysia yang lebih baik untuk meletakkan semula negara sebagai ekonomi terkemuka di Asia serta memastikan kehidupan yang berkualiti dan saksama kepada rakyat. Matlamat Ekonomi MADANI diterjemahkan dalam dokumen polisi Kerajaan

iaitu NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12. Selain itu, Belanjawan 2024 memberi fokus kepada menjayakan pelaksanaan inisiatif dan pembaharuan segera pada 2024 sebagai langkah awal ke arah merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI.

Selaras dengan Ekonomi MADANI, Belanjawan 2024 merangkumi tiga bidang tumpuan iaitu melaksanakan reformasi bagi meningkatkan tata kelola dan sistem penyampaian awam; mentransformasikan ekonomi dan perniagaan di samping meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Menuju 2024, Malaysia menghadapi prospek ekonomi global yang mencabar di samping kekangan fiskal negara. Seawal 2024, pembaharuan fiskal penting bagi menyediakan ruang fiskal untuk menyokong pertumbuhan dan penstrukturan semula ekonomi di samping memenuhi keperluan rakyat. Oleh itu, Kerajaan telah komited untuk menggubal FRA, suatu akta yang akan meneruskan komitmen bagi mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur dan merasionalisasi subsidi ke arah lebih bersasar. Pembaharuan institusi juga dilakukan untuk memperkukuh tata kelola serta meningkatkan keberkesanan penyampaian awam dan pelaksanaan inisiatif Kerajaan.

Transformasi ekonomi yang dipacu di bawah Belanjawan 2024 bertujuan untuk mencetus pembaharuan bagi pelaksanaan NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12. Sehubungan itu, insentif dan kemudahan pembiayaan akan disediakan untuk menggalakkan kompleksiti ekonomi, digitalisasi, pertumbuhan hijau serta pertumbuhan inklusif yang lebih luas di seluruh negara. Pelbagai inisiatif akan dilaksana untuk mengukuhkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa selain meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan. Pemerkasaan PKS akan diberi penekanan melalui aspek kemudahan pembiayaan, daya saing, peningkatan

kemahiran modal insan dan orientasi berasaskan eksport. Malaysia juga akan menasarkankan pemerksasaan inovasi dalam ekonomi Islam khususnya kewangan Islam dan produk halal. Di samping itu, transformasi ekonomi perlu disokong oleh usaha yang lebih jitu bagi mengukuhkan kemampuan dan keselamatan ekonomi, khususnya dalam makanan dan tenaga.

Bagi menterjemahkan matlamat Ekonomi MADANI untuk "menaikkan lantai", Belanjawan 2024 menetapkan inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat seiring dengan hasrat "menaikkan siling" potensi ekonomi Malaysia. Kualiti hidup yang lebih tinggi merangkumi pewujudan pekerjaan yang bermakna dengan gaji yang wajar, keterangkuman dan peluang yang saksama, akses sejagat kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan, kemudahan asas bertaraf dunia serta jaringan keselamatan sosial yang lebih komprehensif kepada semua rakyat Malaysia. Inisiatif ini termasuk memastikan golongan berpendapatan rendah terus dibantu bagi mendepani cabaran kos sara hidup, sejajar dengan peralihan ke arah subsidi secara bersasar.

Penstrukturan semula ekonomi Malaysia secara holistik seperti yang dihasratkan dalam kerangka Ekonomi MADANI memerlukan pendekatan seluruh negara. Pendekatan Kerajaan ini dengan aspirasi untuk membina perkongsian yang lebih erat bersama industri dan rakyat ke arah merealisasikan Ekonomi MADANI. Pada masa yang sama, kerjasama juga akan dijalin dengan kerajaan negeri dan NGO bagi memenuhi keperluan pembangunan negara.

Belanjawan 2024 menandakan permulaan perjalanan Malaysia untuk membina semula ekonomi yang mampan, inklusif dan berdaya tahan seperti yang dicita-citakan dalam kerangka Ekonomi MADANI.

SISIPAN 1.3**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas***Dengan kerjasama Kementerian Ekonomi***Pengenalan**

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) merupakan rancangan jangka masa sederhana dengan objektif untuk mencapai ‘Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan’. Sejak pelaksanaan RMKe-12, Malaysia telah merekodkan pembangunan sosioekonomi yang memberangsangkan terutamanya dalam memacu pemulihan ekonomi pascapandemik COVID-19 walaupun berhadapan dengan cabaran pada peringkat global dan domestik. Namun begitu, usaha berterusan perlu dipergiat untuk memastikan keberhasilan sasaran RMKe-12 tercapai. Oleh itu, kajian semula sasaran, dasar dan strategi RMKe-12 penting dalam memastikan Malaysia kekal berada pada trajektori pertumbuhan yang tepat.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) mengandungi dasar dan strategi yang disemak semula selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat (Ekonomi MADANI) yang akan mendokong maruah dan martabat rakyat ke arah Malaysia yang sejahtera dan negara berpendapatan tinggi. Berdasarkan tema ‘Malaysia Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi’, KSP RMKe-12 telah memperkenalkan 17 Anjakan Besar sebagai inisiatif strategik yang menjadi pemangkin utama bagi mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi selaras aspirasi Malaysia MADANI. Dokumen ini merupakan dokumen dasar utama yang akan memacu dan meningkatkan status pembangunan negara serta memperkasakan rakyat.

Prestasi Rancangan Malaysia Kedua Belas

Pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk memacu Malaysia ke arah trajektori pertumbuhan yang lebih kukuh dan menghasilkan pencapaian merentasi pelbagai penunjuk utama. Pencapaian ketara termasuk peningkatan KDNK sebanyak 4.2% pada separuh pertama 2023; pertumbuhan tahunan produktiviti pasaran buruh yang membanggakan sebanyak 3.7% pada 2021 dan 2022; pengurangan dalam kadar pengangguran kepada 3.5% pada suku kedua 2023; dan penurunan kadar inflasi kepada 2% pada Ogos 2023, terendah sejak September 2021. Selain itu, pendapatan negara kasar (PNK) per kapita meningkat dengan ketara, mencecah RM52,968 (USD12,035) pada 2022 berbanding RM42,838 (USD10,191) pada 2020. Malaysia juga berada pada kedudukan yang baik dalam Indeks Pembangunan Manusia (HDI) 2022 iaitu kedudukan ke-62 daripada 191 negara manakala penunjuk Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) mencatatkan peningkatan tahunan 1.3% pada 2021. Tambahan pula, purata pendapatan isi rumah bulanan menyaksikan peningkatan yang memberangsangkan mencecah RM8,479 pada 2022 berbanding RM7,901 pada 2019. Pencapaian ini mencerminkan pertumbuhan ekonomi dan trend pembangunan yang positif di Malaysia.

Rangka Kerja Kajian Separuh Penggal

Prinsip utama aspirasi Malaysia MADANI bersama kerangka strategik Ekonomi MADANI berfungsi sebagai tonggak asas KSP RMKe-12 yang seterusnya akan memberikan manfaat kepada rakyat untuk menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Tema keseluruhan KSP RMKe-12 yang disokong

oleh pemacu utama bagi mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dengan tiga bidang fokus utama iaitu memperkukuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Sebanyak 17 Anjakan Besar akan memangkin pembangunan sosioekonomi dalam tempoh berbaki antara 2023 hingga 2025 melalui pelbagai strategi dan inisiatif¹ utama melibatkan tiga bidang fokus utama seperti dalam Rajah 1.3.1.

RAJAH 1.3.1. Kerangka Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

Melangkah ke Hadapan

Prospek Ekonomi Makro

Melangkah ke hadapan dalam tempoh berbaki RMKe-12, ekonomi negara dijangka berkembang antara 5% hingga 5.5% setahun didorong oleh permintaan domestik terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dalam hubungan ini, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan produktiviti buruh dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 3.8% setahun. Peningkatan produktiviti ini penting bagi mencapai sasaran pampasan pekerja (PP) 40% daripada KDNK menjelang 2025. Di samping itu, PNK per kapita dijangka mencecah RM61,000 (USD14,250) menjelang 2025 manakala kadar inflasi dijangka kekal antara 2.8% hingga 3.8%.

Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi. Selain itu, pertumbuhan kukuh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman akan memainkan peranan penting bagi menyokong pemulihan sektor pembinaan dalam tempoh akhir RMKe-12.

¹ Terdapat 71 strategi dan inisiatif utama yang dibincangkan dalam dokumen utama KSP RMKe-12.

Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Kerajaan akan memberi tumpuan untuk meningkatkan tadbir urus berasaskan nilai dengan menambah baik akauntabiliti dan ketelusan serta memperkukuh dan membudayakan integriti dalam perkhidmatan awam. Strategi tersebut akan disokong oleh dua Anjakan Besar iaitu Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi serta Perundangan berkaitan Rasuah.

Transformasi digital akan dipercepat dengan menambah baik perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir di samping menggalakkan perkongsian data selaras dengan pendekatan keseluruhan negara. Pemodenan perkhidmatan awam akan diteruskan melalui inisiatif *Government Technology* (GovTech). Di samping itu, Pangkalan Data Utama (PADU) akan dibangunkan sebagai repositori data untuk menyokong pengagihan subsidi dan bantuan yang disasarkan dengan tepat dan telus dalam menangani isu sosioekonomi setiap isi rumah di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar.

Rangka kerja institusi dan perniagaan akan terus diperkukuh dengan mengkaji semula struktur dan fungsi kementerian dan agensi serta mempermudah urusan menjalankan perniagaan. Selanjutnya, Kerajaan akan memberi keutamaan menambah baik keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan belanjawan dan projek bagi penyampaian perkhidmatan yang lebih baik melalui Anjakan Besar Kemampuan Fiskal dan Sistem Kewangan.

Bidang Fokus Utama

Tiga bidang fokus utama yang digariskan dalam KSP RMKe-12 ialah memperkukuh kemampuan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Memperkukuh Kemampuan

Dokumen KSP RMKe-12 terus memberi tumpuan untuk memperkukuh kemampuan melalui beberapa objektif utama iaitu melonjakkan pertumbuhan ekonomi; meningkatkan kemampuan fiskal; dan mempercepat peralihan ke arah ekonomi yang berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan. Bagi mempercepat usaha memacu pertumbuhan ekonomi, tumpuan akan diberikan kepada lima sektor berpotensi tinggi iaitu tenaga boleh diperbaharui; teknologi dan digital; elektrik dan elektronik; pertanian dan industri asas tani serta nadir bumi. Di samping itu, kemampuan fiskal akan diperkukuh dengan memperteguh tadbir urus fiskal, memperluas asas hasil, merasionalisasikan subsidi, menambah baik pengurusan belanjawan serta memperkemas pengurusan hutang dan liabiliti.

Peralihan tenaga telah menjadi platform penting untuk Malaysia membuka potensi pertumbuhan hijau dalam memperkukuh kemampuan. Peralihan ini termasuk transformasi ke arah industri *high growth high value* (HGHV) dengan penekanan khusus kepada Peralihan Tenaga sebagai antara inisiatif utama untuk menangani cabaran perubahan iklim dan cabaran alam sekitar yang lain. Selain itu, pengurusan sumber asli yang cekap akan terus dioptimumkan dengan memberi keutamaan kepada pemuliharaan ekosistem semula jadi serta mengukuhkan amalan pengurusan air untuk mengelakkan eksploitasi dan kehilangan sumber, sekali gus memastikan pulangan maksimum kepada ekonomi. Selain itu, usaha akan dipergiat untuk mempercepat pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan menggalakkan penggunaan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Usaha ini merangkumi dasar dan rangka kerja kawal selia serta perkhidmatan sokongan untuk menggalakkan perniagaan mengguna pakai amalan perniagaan yang mampan.

Membangunkan Masyarakat Sejahtera

Usaha untuk membangunkan masyarakat yang inklusif dan lebih berdaya tahan akan diteruskan dalam tempoh akhir RMKe-12. Bagi menangani dan membasmi kemiskinan pula, usaha akan dipergiat ke arah meningkatkan pendapatan dan menambah baik taraf hidup. Kerajaan bertekad untuk mengecilkan nisbah jurang pendapatan di samping menangani ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah.

Anjakan Besar Reformasi Perlindungan Sosial bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam membantu golongan miskin dan mudah terjejas. Pembaharuan yang sedang dikaji ini akan dilaksanakan secara holistik pada peringkat Persekutuan dan negeri. Dokumen KSP RMKe-12 juga menggariskan strategi dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan termasuk menjaga kedaulatan negara serta mempergiat usaha dalam pencegahan dan pemulihan jenayah. Strategi tersebut akan disokong oleh pelaksanaan Anjakan Besar Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara.

Selain itu, Anjakan Besar Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Penyewaan peralatan perubatan akan diperkenalkan sebagai langkah untuk memastikan ketersediaan peralatan perubatan terkini yang terbaik kepada rakyat. Di samping itu, usaha meningkatkan bekalan dan menambah baik capaian kepada perumahan berkualiti dan mampu milik akan diberikan tumpuan dan penekanan. Anjakan Besar Perumahan untuk Rakyat akan dilaksanakan melalui peralihan daripada konsep pemilikan rumah kepada tempat tinggal.

Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi

Langkah komprehensif akan dilaksanakan untuk mengukuh daya tahan ekonomi Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi. Langkah tersebut akan memberikan tumpuan kepada memperkukuh daya tahan sektor dan industri strategik; meningkatkan daya saing bagi menggalakkan pertumbuhan yang mampan; mengoptimalkan keberkesanan mekanisme sokongan kewangan; serta merangka pelan strategik untuk kawasan perindustrian dan kawasan pengeluaran makanan. Di samping itu, langkah akan diambil untuk mengurangkan rintangan yang mengekang pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan mengintegrasikan PMKS ke dalam rantai bekalan domestik dan global serta mempercepat pertumbuhan produktiviti.

Selain itu, pertumbuhan industri HGHV berasaskan Digital dan Teknologi akan diberi keutamaan serta disokong oleh penggubalan dasar inklusif digital dan pembangunan infrastruktur yang kondusif. Penekanan yang sama juga akan diberikan untuk membina infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya tahan. Tambahan pula, pendekatan pembangunan holistik bagi industri nadir bumi bukan radioaktif akan dilaksanakan untuk memaksimumkan sumbangan industri ini kepada ekonomi. Pendekatan ini selaras dengan inisiatif industri HGHV di bawah Anjakan Besar Nadir Bumi. Pada masa yang sama, inisiatif akan diperkukuh bagi menggalakkan penerimgunaan teknologi dan digitalisasi, pemerolehan bakat, peningkatan rantai nilai dan penambahbaikan tatakelola ke arah memacu daya saing dan memastikan pertumbuhan yang mampan.

Beberapa pemboleh ubah utama seperti pembangunan bakat, teknologi, penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), digitalisasi serta infrastruktur pengangkutan dan logistik akan diperkukuh sebagai strategi untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi. Melalui strategi ini, model gaji progresif akan diperkenalkan untuk merangsang

pertumbuhan gaji dan menangani isu PP sebagai bahagian daripada KDNK. Pelan tindakan juga akan dirangka untuk memastikan peratusan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga. Justeru, tumpuan akan diberikan untuk menggalakkan keseimbangan dan keterangkuman serantau dalam memastikan pembangunan yang lebih holistik. Usaha tersebut akan merangkumi inisiatif yang bertujuan meningkatkan potensi ekonomi serantau, mempercepat pembangunan bandar dan luar bandar yang mampan serta mengoptimalkan peluang yang diperoleh melalui kerjasama subserantau.

Kesimpulan

Dokumen KSP RMKe-12 mengetengahkan sorotan pencapaian bagi tempoh 2021 hingga 2022, menggariskan isu dan cabaran yang perlu ditangani serta merintis jalan ke arah negara yang mampan, makmur dan berpendapatan tinggi bagi tempoh 2023 hingga 2025. Semasa tempoh kajian semula, pertumbuhan ekonomi adalah membanggakan meskipun dalam persekitaran yang mencabar. Pelaksanaan semua inisiatif pembangunan perlu dipercepat untuk memastikan cabaran domestik dan global dapat diurus dengan berkesan. Kejayaan pelaksanaan 17 Anjakan Besar penting dalam memacu usaha ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan kerangka 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat'.

Tumpuan 1: Penstrukturan Semula Ekonomi bagi Melonjak Pertumbuhan

Belanjawan 2024 membina asas bagi agenda pembangunan mampan sejajar dengan NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12 berpandukan kerangka Ekonomi MADANI. Dasar tersebut khususnya NIMP 2030 akan menyokong usaha Kerajaan untuk memperbaharui industri dengan menggalakkan kompleksiti ekonomi yang lebih tinggi serta secara agresif menerima inovasi teknologi dan kecanggihan produk. Sehubungan itu, tumpuan akan diberikan kepada industri HGHV dan beberapa sektor seperti aeroangkasa, E&E, kimia, farmaseutikal dan tenaga bersih bagi memacu Malaysia ke arah kemajuan teknologi dan peningkatan daya saing.

Persekitaran perniagaan yang menggalakkan adalah penting bagi merangsang ekonomi domestik yang saling berhubungan dan berdaya maju. Persekitaran ini akan dicapai dengan memanfaatkan infrastruktur secara optimum, kumpulan bakat yang ramai, sumber semula jadi yang pelbagai, serta penggunaan teknologi, digitalisasi dan inovasi secara meluas. Bagi mengiktiraf sumbangan

PMKS kepada ekonomi, pelbagai program dan projek dirangka untuk meningkatkan daya saing. Walau bagaimanapun, akses yang terhad kepada kemudahan pembiayaan dan kekurangan pekerja mahir terus menjadi halangan utama kepada pengembangan PMKS. Justeru, Kerajaan kekal komited untuk menawarkan kemudahan pembiayaan dan program pembangunan bakat yang akan menjadi komponen utama dalam Belanjawan 2024.

Selaras dengan hasrat untuk menjadi antara 30 ekonomi terbesar dunia dalam dekad akan datang, Malaysia perlu mempunyai struktur ekonomi negara maju serta berpendapatan tinggi bercirikan aktiviti ekonomi berintensif pengetahuan dan inovasi, teknologi termaju, infrastruktur teguh dan tenaga kerja mahir. Dengan mengutamakan kepentingan strategik ini, Malaysia bersedia untuk meningkatkan daya saing, memperkukuh produktiviti dan memupuk kemakmuran melalui pertumbuhan ekonomi yang mampan agar negara maju di peringkat global pada masa hadapan.

Dalam memanfaatkan kedudukan strategik di rantau Asia Tenggara yang dinamik, Malaysia terus komited dan bersedia untuk meraih faedah daripada prospek perdagangan yang

berkembang dalam ASEAN untuk muncul sebagai hab perindustrian serantau. Oleh itu, Kerajaan terus komited untuk meningkatkan DDI dan FDI bagi mengekalkan status Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan. Strategi tersebut termasuk memperkemas agensi penggalakan pelaburan, memudahkan prosedur pentadbiran serta menyemak semula undang-undang dan peraturan yang berkaitan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mesra pelabur. Di samping itu, Kerajaan akan menggubal dan memperhalusi dasar perindustrian dan pelaburan yang disesuaikan dengan keperluan serantau serta peringkat pembangunan dalam mengurangkan jurang pembangunan dan ekonomi.

Perhatian khusus akan diberikan untuk menarik pelaburan dalam sektor baru muncul seperti E&E, ekonomi digital dan aeroangkasa dengan GLIC dan GLC memacu pembangunan vendor tempatan dan DDI. Di samping itu, pelaksanaan insentif cukai berasaskan outcome akan memangkin perniagaan yang mempunyai impak besar dan menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Kerajaan juga melaksanakan beberapa langkah untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan termasuk penubuhan zon kewangan eksklusif di Johor dan Lembah Klang bagi menarik pelabur global dan pekerja berpengetahuan. Usaha tersebut merangkumi peningkatan infrastruktur industri sedia ada untuk menerima pakai amalan mesra alam di samping mempergiatkan pembangunan modal insan untuk memenuhi permintaan pelabur. Secara kolektif, ekosistem komprehensif tersebut merupakan tanda aras yang kukuh untuk meningkatkan keyakinan pelabur, seterusnya mendorong pertumbuhan yang mampan dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemain utama dalam ekonomi serantau dan global.

Industri Pintar yang sering dirujuk sebagai Industry4WRD, sedang mencorak perubahan dalam landskap pembuatan, pengedaran dan inovasi produk negara. Gabungan digitalisasi dan mekanisasi dalam sektor industri

pintar ini membawa potensi yang besar dan selari dengan matlamat negara untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi dan berasaskan pengetahuan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mempercepatkan penerimgunaan teknologi digital dan automasi. Kerajaan akan terus menyokong dasar yang menggalakkan transformasi dalam sektor pembuatan, meningkatkan kompleksiti ekonomi serta penggunaan teknologi dan mengutamakan keselamatan ekonomi dan inklusiviti dalam usaha untuk memastikan Malaysia menjadi negara dinamik dan berdaya maju dalam era digital. Usaha strategik tersebut dijangka membawa Malaysia ke hadapan dan meningkatkan daya saing negara di peringkat global di samping memelihara komitmen terhadap kemampanan dan inklusiviti.

Selaras dengan komitmen terhadap kemajuan teknologi dan inovasi, Kerajaan akan menyediakan persekitaran kondusif dan mudah untuk menggalakkan industri mengadaptasi teknologi terkini dan model perniagaan inovatif. Usaha ini melibatkan pendekatan komprehensif yang menggalakkan pelaburan dalam R&D, meningkatkan infrastruktur digital serta menyelaraskan undang-undang keselamatan siber bagi melindungi industri pintar. Tambahan pula, program pendidikan dan latihan akan dipertingkatkan untuk membekalkan tenaga kerja dengan kemahiran digital yang diperlukan dan menyediakan mekanisme sokongan yang kukuh untuk perniagaan, terutamanya PKS. Selain itu, kerangka pengawalseliaan akan terus dikaji semula agar kekal relevan dengan perubahan teknologi yang pesat di samping menggalakkan kerjasama dan merangsang integrasi teknologi baharu secara harmoni merentasi bidang kuasa antara pihak pengawalselia, institusi penyelidikan dan pemain industri.

Malaysia memainkan peranan utama dalam kalangan ekonomi Asia bagi menggalakkan pertumbuhan hijau dan daya tahan iklim. Kemajuan signifikan telah dicapai melalui adaptasi amalan mampan dalam pelbagai

sektor merangkumi pelaburan besar dalam tenaga boleh baharu, pelaksanaan strategi cekap tenaga, inisiatif penghutanan semula yang luas dan promosi perancangan bandar mesra alam. Kerajaan juga komited dalam memajukan pengkomersialan hidrogen hijau seiring potensinya sebagai solusi tenaga bersih yang kompetitif bagi Malaysia sejajar dengan aspirasi sifar bersih. Selaras dengan komitmen jangka masa panjang terhadap kemampuan alam sekitar, Belanjawan 2024 akan terus menggalakkan perniagaan untuk mengamalkan prinsip ESG yang bertujuan meningkatkan daya saing dalam memenuhi piawaian global. Inisiatif tersebut melibatkan pewujudan dasar dan rangka kerja kawal selia serta pembiayaan besar yang ditujukan ke arah menggalakkan pertumbuhan hijau dan peralihan rendah karbon. Di samping itu, penyediaan data dan laporan yang relevan adalah penting dalam menilai dan mengakaunkan tahap pelepasan karbon mengikut amalan terbaik antarabangsa. Langkah bersepadu hijau tersebut menekankan usaha untuk mengungguli agenda kemampuan seterusnya meletakkan Malaysia sebagai peneraju negara membangun.

Sejajar dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI, usaha akan diambil untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Islam global. Kini, pasaran halal global dianggarkan akan mencapai jumlah signifikan sebanyak USD7.7 trilion menjelang 2025. Perkembangan ini merupakan peluang terbaik bagi Malaysia untuk mengukuhkan kedudukan dalam pasaran halal global dengan meningkatkan daya saing industri halal domestik. Strategi ini merangkumi pelbagai aktiviti *halalan toyyiban* dan inovasi kewangan Islam yang komprehensif, selaras dengan prinsip *Maqasid Syariah*. Oleh itu, tumpuan akan diberikan kepada penyelarasan proses pensijilan halal, penyediaan mekanisme sokongan kewangan untuk meningkatkan inovasi dan produktiviti serta memperkukuh strategi pemasaran bagi menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa. Memandangkan Malaysia memiliki ekosistem kewangan Islam yang matang dengan pemain industri yang dinamik, produk Syariah yang inovatif dan persekitaran yang komprehensif, usaha akan dipertingkat untuk menggunakan pembiayaan berasaskan nilai bagi menyokong industri halal. Kluster strategik ini tidak hanya akan

mengukuhkan kepemimpinan global Malaysia dalam bidang kewangan Islam dan industri halal, tetapi juga memperkukuhkan kedudukan ekosistem halal.

Penggunaan tanah yang optimum penting bagi menjaga keterjaminan makanan di Malaysia yang akan mempengaruhi tahap pengeluaran seterusnya menyumbang kepada kemampuan bekalan makanan. Memandangkan kesan ketara harga makanan dengan peningkatan kos sara hidup, Kerajaan komited untuk menggalakkan SSR lebih tinggi merentasi spektrum barangan makanan yang lebih luas. Inisiatif tersebut termasuk mengoptimumkan penggunaan ladang sedia ada, meluaskan kawasan tanaman makanan dan mempelbagaikan penggunaan tanah dengan mengusahakan tanah terbiar menjadi ladang yang produktif untuk tanaman makanan. Tambahan pula, Kerajaan berhasrat untuk memperkukuh daya tahan sektor agromakanan melalui penggunaan teknologi pertanian, dengan tumpuan khusus untuk meningkatkan produktiviti pekebun kecil. Justeru, Kerajaan akan terus menyediakan sokongan kewangan dengan pemberian insentif kepada petani dan pelabur untuk melibatkan diri dalam tanaman makanan serta mengguna pakai aplikasi teknologi pertanian moden. Langkah tersebut akan mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada import makanan dan meminimumkan penglibatan buruh asing, memupuk sifat berdikari serta memperkukuh keterjaminan makanan untuk negara.

Tumpuan 2: Peningkatan Darjat Hidup Rakyat atas Prinsip Keadilan

Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, Kerajaan kekal komited untuk memperkukuh dan menyediakan program bantuan sosial secara bersasar terutamanya bagi golongan mudah terjejas. Usaha ini melibatkan peluasan inisiatif sedia ada seperti pindahan tunai, bantuan berbentuk barangan (in-kind), subsidi serta program perlindungan pendapatan dan persaraan. Selain itu, program insurans sosial akan ditambah baik bagi memperluas liputan perlindungan seterusnya memastikan rakyat Malaysia mempunyai simpanan persaraan terkumpul yang mencukupi. Usaha juga akan

diteruskan untuk memperkukuh intervensi pasaran buruh melalui program latihan semula seterusnya menjamin prospek pekerjaan kepada pekerja dalam situasi luar jangka. Matlamat utama adalah untuk memastikan sistem perlindungan sosial yang inklusif dan saksama dalam melindungi rakyat daripada beban kenaikan kos sara hidup dan kesusahan yang tidak dijangka. Langkah tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memberikan perlindungan sosial yang lebih cekap dan bersepadu seterusnya memastikan keberkesanan kos di samping mengurangkan ketidaksepaduan serta ralat pemasangan dan penyisihan.

Walaupun ramai pekerja tidak formal berjaya didaftarkan semasa pandemik COVID-19, namun Kerajaan terus komited untuk meningkatkan kesejahteraan golongan ini khususnya dari aspek perlindungan dan insurans sosial. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan menggalakkan caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 [Akta 789] dan skim persaraan bagi individu yang bekerja sendiri termasuk pekerja gig dalam sektor tidak formal. Langkah ini dapat memastikan pekerja tidak formal mempunyai jaringan keselamatan dan perlindungan yang kukuh bagi menghadapi situasi luar jangka.

Selain itu, peraturan berkaitan kelulusan pelesenan dan perniagaan akan ditambah baik untuk menggalak dan memperkemas pendaftaran perniagaan sektor formal dan proses penggajian pekerjaan bagi memudah cara urusan menjalankan perniagaan. Pendekatan komprehensif ini bertujuan untuk memperkukuh keselamatan sosial dan menggalakkan pengembangan sektor formal untuk manfaat semua pihak berkepentingan.

Kerajaan kekal komited untuk menyediakan peluang yang saksama kepada semua segmen masyarakat tanpa mengira jantina, bangsa atau kumpulan pendapatan. Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan tertentu, tumpuan khusus akan diberikan bagi meningkatkan kebolehpasaran dan prospek pendapatan golongan wanita dan belia. Usaha akan diambil untuk menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif bagi meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi

serta menggalakkan golongan ibu kembali bekerja. Langkah ini termasuk memudahkan proses pendaftaran dan menambah kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja serta memperkukuh pelaksanaan waktu bekerja secara fleksibel. Selain itu, peraturan dan perundangan pekerjaan akan disemak semula untuk melindungi dan meningkatkan kesejahteraan pekerja wanita. Kerajaan juga akan memperkemas kemudahan dan infrastruktur tempat kerja supaya lebih inklusif, peka terhadap keperluan golongan kurang upaya dan responsif gender. Usaha juga akan terus diberikan kepada Agenda Pemerkasaan Bumiputera di samping menyediakan sokongan yang mencukupi kepada semua kaum lain bagi meningkatkan mobiliti rakyat. Langkah holistik tersebut mencerminkan komitmen Malaysia dalam memperkasakan masyarakat dengan setiap individu boleh memajukan diri dan menyumbang kepada kemakmuran negara.

Pendidikan dan latihan penting dalam membina ketersediaan tenaga kerja. Justeru, Kerajaan komited untuk memastikan akses sejagat kepada pendidikan dan latihan berkualiti tinggi. Sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran akan ditambah baik bagi memastikan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran yang sejajar dengan keperluan pekerjaan. Pembiayaan yang mencukupi juga akan disediakan bagi memastikan akses berterusan kepada pendidikan berkualiti. Pendidikan asas akan diperkukuh bagi meningkatkan perkembangan kanak-kanak dari peringkat awal. Kemudahan dan infrastruktur sekolah akan dinaik taraf terutamanya bagi sekolah daif. Ketersambungan internet juga akan dipertingkatkan bagi memudah cara pembelajaran dalam talian. Dalam masa yang sama, kurikulum program pendidikan tertiar akan disesuaikan supaya lebih berorientasikan permintaan melalui kerjasama strategik dengan pemain industri bagi melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan industri. Di samping itu, program pembelajaran sepanjang hayat akan diperkukuh melalui penyediaan inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk memastikan tenaga kerja memiliki kemahiran tinggi dan terkini serta boleh menyesuaikan diri selaras dengan perubahan semasa permintaan pasaran pekerjaan.

Peningkatan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan terus menjadi keutamaan. Kemudahan dan peralatan penjagaan kesihatan akan dinaik taraf serta memastikan bilangan profesional penjagaan kesihatan yang mencukupi terutamanya di kawasan luar bandar bagi mewujudkan persekitaran penjagaan kesihatan yang kondusif. Sementara itu, perkhidmatan penjagaan juga akan dipertingkatkan memandangkan Malaysia sedang menuju ke arah negara menua. Program penjagaan kesihatan untuk

warga emas akan diperkukuh manakala perkhidmatan penjagaan kesihatan akan melalui proses pendigitalan. Selain itu, inisiatif pengesanan awal dan tindak balas yang efisien terhadap penularan penyakit berjangkit akan diperkukuh melalui penubuhan Pusat Kawalan Penyakit Kebangsaan. Program kesedaran kesejahteraan mental dan emosi serta sistem penjagaan kesihatan berasaskan komuniti akan diperkasakan yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

RENCANA 1.2

Ke Arah Kesaksamaan Pembangunan: Bantuan Sosial Bersasar

Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah memberi impak mendalam kepada penduduk dan menimbulkan cabaran yang lebih besar kepada proses pemulihan. Keadaan ini berlaku terutamanya kepada individu dan keluarga miskin serta isi rumah yang mudah terjejas seperti dijelaskan dalam laporan Malaysia Economic Monitor oleh Bank Dunia pada Februari 2023. Beberapa kajian menunjukkan bahawa isu sedia ada terutamanya kos sara hidup serta kadar simpanan dan gaji yang rendah telah berlaku sebelum pandemik lagi dan kini semakin membimbangkan. Akibatnya, faktor tersebut terus mengekang kemajuan usaha pemulihan isi rumah. Peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan yang berbeza mengikut kumpulan pendapatan. Kumpulan isi rumah berpendapatan rendah memperuntukkan bahagian yang lebih besar atau 23.1% daripada perbelanjaan bulanan ke atas makanan berbanding kumpulan isi rumah berpendapatan sederhana (17.1%) dan isi rumah berpendapatan tinggi (11.2%) (DOSM, 2022). Perbezaan ini menunjukkan bahawa kenaikan harga barangan makanan mengakibatkan kesan yang lebih ketara kepada isi rumah berpendapatan rendah dan seterusnya menjadikan kumpulan ini lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup (BNM, 2018).

Kos sara hidup juga telah menyumbang kepada kadar simpanan yang rendah seterusnya mempengaruhi kemampuan isi rumah mendepani kejutan ekonomi. Kaji selidik yang dijalankan pada 2022 mendedahkan bahawa 63% responden hanya mampu bertahan selama tiga bulan (RinggitPlus, 2022) atau kurang dengan simpanan sedia ada berbanding 53% pada 2019 (RinggitPlus, 2019). Keadaan ini menunjukkan bilangan responden yang tidak mempunyai simpanan kecemasan mencukupi telah meningkat. Sementara itu, sebanyak 51.5% (6.7 juta) daripada ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah umur 55 tahun kekal mempunyai simpanan persaraan yang sangat rendah iaitu kurang daripada RM10,000 (BNM, 2023). Keadaan ini menunjukkan tahap kecukupan simpanan persaraan terus menyusut sejak pandemik. Sebelum pandemik, dianggarkan 70% daripada ahli KWSP di bawah umur 54 tahun mempunyai simpanan kurang daripada RM50,000 dengan 20% terendah hanya mempunyai purata simpanan sebanyak RM6,909. Kedudukan simpanan yang membimbangkan ini perlu diberi perhatian memandangkan ahli KWSP pada usia 55 tahun sepatutnya mempunyai simpanan asas sekurang-kurangnya RM240,000 (KWSP, 2019).

Tambahan pula, gaji di Malaysia kekal rendah dan tidak anjal. Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) pada suku pertama 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa 35% pekerja memperolehi pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Laporan tersebut juga menunjukkan bahawa gaji median tidak meningkat begitu ketara merentasi kumpulan umur dengan pekerja berusia di bawah 20 tahun memperoleh gaji median bulanan sebanyak RM1,500 dan hanya mencecah RM3,500 bagi umur antara 45 dan 49 tahun.

Rangkuman isu di atas boleh menimbulkan kejutan ekonomi kepada individu mudah terjejas dan memudaratkan kesejahteraan secara keseluruhan. Bagi mengurangkan kesan tersebut, perlindungan sosial diperlukan untuk bertindak sebagai penstabil ekonomi bagi melindungi kesejahteraan rakyat. Rencana ini memberi pandangan mengenai hubungan antara bantuan sosial berasaskan pindahan berbentuk tunai dan daya tahan isi rumah sebagai langkah untuk memperkukuh sistem perlindungan sosial. Bahagian seterusnya akan menjelaskan cadangan intervensi dasar bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan menyediakan pelan hala tuju yang berpotensi bagi pembangunan dan pelaksanaan dasar bantuan sosial yang lebih bersasar, komprehensif dan mampan dengan mengkaji kerangka bantuan sosial Malaysia serta mencontohi amalan terbaik global.

Apakah Perlindungan Sosial?

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mendefinisikan perlindungan sosial sebagai satu set langkah awam yang disediakan untuk melindungi masyarakat daripada tekanan ekonomi dan sosial. Definisi ini berbeza mengikut negara berikutan kepelbagaian inisiatif yang disediakan di bawah sistem perlindungan sosial. Sebagai perbezaan, sistem perlindungan sosial di Malaysia terdiri daripada tiga bidang utama iaitu bantuan sosial, insurans sosial dan intervensi pasaran buruh seperti dalam Rajah 1.2.1.

RAJAH 1.2.1. Kerangka Perlindungan Sosial Malaysia



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Bantuan sosial dirangka untuk memindahkan sumber kepada segmen penduduk yang tepat (pindahan berbentuk tunai atau barangan) yang boleh bersifat sejagat, mengikut kategori atau keupayaan pendapatan. Bantuan sosial juga terdiri daripada subsidi yang disediakan oleh Kerajaan seperti bahan api dan makanan. Insurans sosial termasuk KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) iaitu pekerja dan majikan membuat caruman secara tetap serta pencen Kerajaan. Selain itu, intervensi pasaran buruh adalah dasar untuk menyokong guna tenaga penuh atau produktif melalui Dasar Pasaran Buruh Aktif (ALMP), pertukaran buruh dan permintaan pasaran. Intervensi ini termasuk program peningkatan kemahiran dan latihan semula serta subsidi gaji yang menggalakkan mobiliti buruh.

Ketiga-tiga komponen tersebut membentuk kerangka perlindungan sosial. Sekiranya komponen tersebut dilaksanakan secara seiringan, kesan positif yang pelbagai akan terhasil termasuk pengurangan kemiskinan, kestabilan ekonomi, pembangunan modal insan dan mobiliti sosial.

Apabila mereka bentuk kerangka perlindungan sosial yang teguh, kerajaan perlu memastikan kemampuan dan kesinambungan jangka masa panjang. Negara yang mampu menyediakan perlindungan sosial sejagat bergantung kepada kerajaan yang mempunyai kemampuan menjana pendapatan yang besar dan mampan. Bagi negara yang mempunyai ruang fiskal yang terhad, reka bentuk dasar perlu diseimbangkan dengan sewajarnya. Perbandingan model perlindungan sosial sedia ada daripada pelbagai negara seperti dalam Jadual 1.2.1.

JADUAL 1.2.1. *Perbandingan Model Perlindungan Sosial*

MODEL	NORDIC	ANGLO-SAXON	KONTINENTAL/ BISMARCKIAN	MEDITERRANEAN/ SELATAN
Negara	Eropah Utara dan Atlantik Utara termasuk Denmark, Finland, Iceland, Norway dan Sweden	United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, New Zealand, Australia dan Ireland	Jerman, Austria, Switzerland dan Republik Czech	Algeria, Mesir, Jordan, Lubnan, Libya, Maghribi, Palestin, Syria dan Tunisia
Kadar Kemiskinan	Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi
Kadar Percukaian	Tinggi	Sederhana	Sederhana/Tinggi	Rendah
Ciri-ciri Utama	Liputan perlindungan bantuan yang komprehensif ⁶ dibiayai oleh kerajaan	Kombinasi bantuan bersasar dan bantuan komprehensif	Beberapa program bantuan sosial tetapi banyak disokong oleh insurans sosial dan intervensi pasaran buruh	Kebanyakannya disediakan oleh sistem kebajikan sesebuah unit keluarga. Namun kerajaan menyediakan bantuan tunai untuk warga emas
Pembiayaan Utama	Kerajaan sepenuhnya	Kombinasi antara Kerajaan dan rakyat (program insurans sosial)	Kebergantungan kepada insurans sosial	Kerajaan, sektor swasta dan tidak formal (sumbangan keluarga)
Kelebihan	Teliti dan progresif	Komprehensif walaupun kadar percukaian rendah	Mengutamakan golongan bekerja	Lebih melindungi golongan berusia
Kelemahan	Kemungkinan sukar dilaksanakan di negara membangun	Boleh mengakibatkan kekurangan pembiayaan dalam jangka masa panjang	Boleh mengakibatkan kebergantungan kepada insurans sosial	Tidak mengambil kira golongan mudah terjejas melainkan golongan berusia

Sumber: Popova et al. (2013)

Walaupun pendekatan semasa negara mirip model Anglo-Saxon, namun liputan perlindungan sosial di Malaysia lebih terhad berbanding model berkenaan. Oleh itu, wujud keperluan untuk mengkaji semula dasar perlindungan sosial, khususnya program bantuan sosial (pindahan berbentuk tunai).

Status Bantuan Sosial di Malaysia

Analisis terhadap program bantuan sosial Malaysia menunjukkan terdapat beberapa jurang yang berpunca daripada dua isu. Isu pertama disebabkan oleh pelaksanaan program bantuan sosial yang tidak bersepadu melibatkan 167 skim yang sedang dilaksanakan oleh 17 kementerian dan agensi. Ketidakepaduan ini telah membawa kepada pertindihan program yang menyebabkan isu pertindihan dan keciciran kumpulan sasaran. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh UNICEF pada 2018, didapati bahawa 35% keluarga menerima bantuan kewangan tetapi tidak layak (ralat pemasukan) dan lebih membimbangkan apabila terdapat 34% isi rumah tidak menerima bantuan kewangan walaupun layak (ralat penyisihan) (OECD, 2022).

Kedua, program bantuan sosial di Malaysia tidak terikat dengan komitmen perundangan atau disokong oleh sumber kewangan yang kukuh menyebabkan program ini kurang mampan dalam jangka masa panjang. Selain Sumbangan Tunai Rahmah (STR), kebanyakan program bantuan sosial hanya disasarkan kepada golongan miskin tegar yang dianggap layak berdasarkan indeks garis kemiskinan. Keadaan ini boleh mengakibatkan keciciran beberapa isi rumah mudah terjejas dalam kumpulan B40.

Pada 2023, sejumlah RM63.8 bilion (sekitar 3% daripada KDNK) diperuntukkan untuk subsidi dan bantuan sosial. Hampir 60% daripada jumlah ini diperuntukkan untuk subsidi elektrik dan bahan api tidak bersasar manakala baki peruntukan bagi bantuan sosial terutamanya dalam bentuk STR serta program bantuan untuk kebajikan dan pendidikan. Walaupun perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial meningkat setiap tahun, namun bahagiannya kepada KDNK adalah kecil dengan purata 2.2% bagi tempoh 2020 hingga 2022. Angka ini jauh lebih kecil berbanding negara OECD yang lazimnya memperuntukkan sebanyak 10% daripada KDNK pada 2022 (OECD, 2022) khusus bagi bantuan tunai.

Jurang program bantuan sosial Malaysia berbentuk pindahan berbentuk tunai juga telah dinyatakan dalam indeks antarabangsa seperti World Social Protection Report 2020 – 2022 oleh ILO (2022) dan Social Protection Indicator oleh Bank Pembangunan Asia (ADB, 2019). Malaysia hanya menerima skor bantuan sosial 2.1¹. Skor ini menjadikan Malaysia jauh ketinggalan berbanding rakan serantau ASEAN seperti Singapura (100), Thailand (54.3), Viet Nam (24.6), Filipina (22.4) dan Indonesia (16.5). Pencapaian ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai isu liputan apabila segmen tertentu golongan mudah terjejas tidak mempunyai sokongan pindahan berbentuk tunai yang mencukupi.

Pindahan Bantuan Sosial Masih Kekal Efektif

Walaupun masih terdapat jurang dalam program pindahan bantuan sosial di Malaysia, namun keberkesanannya tidak boleh dipandang ringan. Kajian mengenai program pindahan bantuan sosial Malaysia (ISIS, 2017) pada 2017 mendapati Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) telah memanfaatkan berjuta penerima setahun, mengurangkan ketidaksamaan dengan meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah kumpulan B40 dan memacu penggandaan ekonomi tempatan. Berdasarkan

¹ Bahagian golongan mudah terjejas menerima manfaat: nisbah penerima manfaat berbentuk tunai bantuan sosial kepada jumlah golongan terjejas.

piawai antarabangsa, skala program yang berjaya pada umumnya adalah kira-kira 4% hingga 30% daripada perbelanjaan isi rumah. Walaupun jumlah BR1M tidak mencapai paras minimum skala antarabangsa, namun inisiatif ini kekal penting sebagai mekanisma penggubalan dasar Malaysia.

Pada peringkat global, pindahan berbentuk tunai terus menjadi komponen penting dalam bantuan sosial. Amalan terbaik terpilih yang ditunjukkan oleh Bank Dunia, ILO, OECD dan UNICEF sebagai program pindahan berbentuk tunai yang berjaya adalah seperti dalam Jadual 1.2.2.

JADUAL 1.2.2. Amalan Terbaik Global

NEGARA	AUSTRALIA	MEXICO	BRAZIL	THAILAND	KENYA
Nama Program	Program Bantuan Pendapatan	Prospera	Bolsa Familia	Geran Bantuan Kanak-Kanak Thailand	Program Jaringan Keselamatan Kebangsaan (NSNP)
Kumpulan Sasar	Warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak dan penjaga	Kanak-kanak	Kanak-kanak	Kanak-kanak	Miskin tegar, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas
Pendekatan Inovatif	Menyasarkan kategori golongan paling mudah terjejas dalam populasi	Syarat berdasarkan kehadiran sekolah dan pemeriksaan doktor	Syarat kehadiran sekolah vaksinasi	Beralih kepada sasaran sejagat	Menyasarkan kategori golongan paling mudah terjejas dalam populasi
Impak	Memantapkan komitmen kerajaan untuk membina jaringan keselamatan sosial yang kukuh bagi melindungi rakyat Australia yang mudah terjejas.	Penambahan 12 bulan persekolahan dan penurunan sebanyak 11.8 mata peratusan kejadian anemia dalam kalangan kanak-kanak di bawah usia dua tahun	Ketidaksamaan telah berkurangan sebanyak 17% dalam hanya lima tahun dan kadar kemiskinan telah menurun daripada 42.7% kepada 28.8%	Thailand berada pada titik perubahan apabila kerajaan mampu memberikan elaun kanak-kanak sejagat berikutan penurunan kadar kelahiran Kos melepasi untuk membesarkan anak	Pindahan berbentuk tunai memberi impak positif tanpa mewujudkan kebergantungan. Isi rumah penerima kurang kebarangkalian menjadi sangat miskin kerana menggunakan bantuan tersebut untuk perbelanjaan makanan dan kesihatan
Kos Program (% daripada KDNK)	8.2	0.4	0.4	0.2	0.3

Sumber: Bank Dunia, ILO, OECD dan UNICEF (2013, 2014, 2022)

Terdapat beberapa penemuan utama yang boleh diteliti berdasarkan program di atas. Secara khususnya, pindahan berbentuk tunai mempunyai kesan limpahan positif melangkaui kestabilan ekonomi. Merujuk kepada kes Brazil dan Mexico, program pindahan berbentuk tunai telah memberikan sokongan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah. Selain itu, syarat yang dikenakan memainkan peranan penting dalam meningkatkan tempoh pendidikan dan kesihatan dalam kalangan kanak-kanak. Pengalaman Australia dan Kenya menunjukkan pindahan berbentuk tunai berdasarkan kategori dapat membantu golongan paling mudah terjejas sepanjang kitaran hayat penerima yang membelanjakan bantuan untuk keperluan asas seperti makanan dan

kesihatan. Geran bantuan kanak-kanak di Thailand adalah contoh terkini bantuan secepat kerana ia menyediakan pindahan berbentuk tunai untuk semua kanak-kanak tanpa mengira pendapatan bagi melindungi generasi akan datang. Keputusan Kerajaan Thailand disokong oleh banyak penemuan lain yang menunjukkan bahawa walaupun nilai pindahan berbentuk tunai untuk kanak-kanak secara relatif agak kecil, namun dapat meningkatkan kesihatan, nutrisi dan perkembangan kanak-kanak (Perpustakaan Perubatan Kebangsaan, 2019).

Meningkatkan Program Pindahan Berbentuk Tunai Malaysia

Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam perjalanan pembangunan sejak 1957. Bermula dengan Dasar Ekonomi Baru diikuti dengan Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan yang terkini Malaysia MADANI, negara terus mengorak langkah untuk mencapai matlamat menjadi ekonomi berpendapatan tinggi dan inklusif.

Program bantuan sosial juga harus berkembang untuk mencerminkan Malaysia sebagai negara yang membangun dan mengalami peralihan. Perancangan dan usaha untuk bantuan sosial yang lebih berkesan telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Secara khususnya, program ini menyumbang kepada pencapaian sasaran SDG1 (tiada kemiskinan) dan SDG10 (mengurangkan ketidaksamaan).

Program pindahan berbentuk tunai di Malaysia pada masa ini lebih tertumpu kepada model berasaskan sumbangan yang boleh mengabaikan segmen penduduk tertentu tanpa liputan yang mencukupi. Sebagai contoh, walaupun Malaysia menyediakan bantuan bagi kanak-kanak dan warga emas, namun hanya disasarkan kepada penduduk miskin tegar seperti dalam Rajah 1.2.2.

RAJAH 1.2.2. Kategori Penerima Program Bantuan Tunai Mengikut Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Kecuali STR

	MISKIN TEGAR	B40	M40	T20
 Kanak-kanak	✓	✗	✗	✗
 Wanita Hamil	✗	✗	✗	✗
 Orang Kurang Upaya	✓	✓	✓	✓
 Warga Emas	✓	✗	✗	✗

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia

Malaysia perlu beralih daripada pendekatan bersasar yang terbatas dan bersifat stigma kepada program pembangunan yang lebih komprehensif. Dalam erti kata lain, tumpuan akan diberikan untuk menangani kelemahan dasar berbanding menasaskan isu kemiskinan. Oleh itu, risiko berkaitan kitaran hayat seperti usia kanak-kanak, tempoh kehamilan dan usia tua serta risiko kehilangan upaya boleh ditangani melalui program pindahan berbentuk tunai yang lebih holistik. Peralihan kepada model pindahan berbentuk tunai yang progresif boleh membantu mengurangkan ralat penyisihan yang berkait dengan program menasaskan kemiskinan selain membantu meningkatkan kemudahan dan kecekapan pentadbiran. Model ini juga boleh menambah baik kontrak sosial² kerana Kerajaan bertanggungjawab menjaga kesejahteraan dan keselamatan rakyat memandangkan sesiapa sahaja boleh terjejas pada bila-bila masa.

Melangkah ke hadapan, cadangan model pindahan berbentuk tunai yang progresif melibatkan kombinasi program berasaskan keupayaan pendapatan dan kategori boleh dijadikan penyelesaian optimum dalam menangani golongan mudah terjejas. Contoh model seperti dalam Jadual 1.2.3.

JADUAL 1.2.3. Contoh Program Pindahan Berbentuk Tunai Bulanan

CADANGAN PROGRAM	KUMPULAN SASAR	SYARAT
KEUPAYAAN PENDAPATAN		
Bantuan Miskin Tegar	Isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,198 sebulan (miskin tegar)	Perlu mengemukakan fail cukai dan disahkan oleh LHDN
Bantuan Kumpulan Berpendapatan Rendah	Semua isi rumah B40	
KATEGORI		
Bantuan Kanak-Kanak	Semua kanak-kanak berumur bawah 6 tahun dan berdaftar di sekolah awam sahaja	Program dibenarkan untuk diteruskan pada tahun berikutnya berdasarkan vaksinasi dan pendaftaran sekolah.
Bantuan Warga Emas	Semua warga emas berumur 65 tahun dan ke atas	Tiada
Bantuan Tempoh Kehamilan	Semua wanita hamil	Tiada
Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU)	Bagi yang berdaftar di bawah JKM	Tiada

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Transformasi Penyampaian Bantuan Sosial bagi Memastikan Tiada Keciciran

Terdapat keperluan bagi Kerajaan untuk mengkaji, memperbaharui dan mereka bentuk semula penyampaian bantuan sosial terutamanya pindahan berbentuk tunai bagi memastikan perlindungan yang inklusif dan saksama. Usaha tersebut termasuk memperkenalkan akta yang menyeluruh untuk mengawal selia sistem perlindungan sosial secara holistik meliputi bantuan sosial, insurans sosial

² Membina kepercayaan antara kerajaan dan rakyat. Kontrak sosial dalam sesebuah negara memberikan kesan kepada reka bentuk program perlindungan sosial dan proses kesedaran.

dan intervensi pasaran buruh. Tanpa akta ini, akauntabiliti program bantuan sosial khususnya akan terus tidak jelas dan mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program termasuk pindahan berbentuk tunai.

Program pindahan berbentuk tunai boleh dilaksanakan secara berpusat di bawah satu agensi sedia ada bagi menangani isu ketidaksepaduan, mengurangkan kos pelaksanaan dan menyeragamkan kriteria berdasarkan kelayakan pendapatan. Agensi yang dicadangkan juga boleh bertindak sebagai saluran utama untuk mengakses perkhidmatan bantuan sosial bagi membolehkan bakal penerima yang berpotensi memohon melalui proses permohonan yang dipermudahkan.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan, pendekatan pengurusan data berautonomi diperlukan untuk mengautomasi, menggabung dan mengintegrasikan semua tugas berkaitan pengurusan data untuk mengurangkan ralat yang tidak disengajakan. Langkah tersebut memerlukan pembangunan kerangka klasifikasi data bagi melindungi privasi dalam proses perkongsian data serta memastikan integriti dan pematuhan kepada format data yang standard.

Penentu utama bagi mencapai perlindungan yang inklusif dan saksama untuk semua adalah komitmen, konsistensi dan keazaman politik dalam melaksanakan langkah rasionalisasi. Kerajaan akur bahawa rasionalisasi subsidi secara keseluruhan boleh meningkatkan kos sara hidup rakyat. Walau bagaimanapun, bagi mengekalkan tanggungjawab fiskal, transformasi penyampaian bantuan sosial perlu dilaksanakan secara berperingkat melalui pendekatan serampang dua mata iaitu dengan mengkaji semula dan mengkonsolidasikan program pindahan berbentuk tunai sedia ada sebelum rasionalisasi subsidi dilaksanakan di samping meluaskan asas hasil kerajaan.

Kesimpulan

Peralihan kepada program pindahan berbentuk tunai yang progresif akan memastikan penyediaan sokongan dan bantuan kepada individu dan keluarga yang mudah terjejas berdasarkan kitaran hayat dan saiz isi rumah selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI. Program ini juga akan menggunakan pendekatan yang komprehensif dan bersifat jangka masa panjang berbanding program sedia ada yang memberikan tumpuan utama untuk memenuhi keperluan asas semasa. Di samping itu, program ini boleh memberikan kesan yang signifikan kepada mobiliti sosial, mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan menjana pembangunan ekonomi secara keseluruhan. Bagi merealisasikan hasrat ini, komitmen dan kesepaduan Malaysia secara berterusan diperlukan untuk menyokong pelaksanaan program bantuan sosial yang lebih baik. Tanpa komitmen semua pihak, kita tidak akan bermula dan tanpa konsistensi, kita tidak akan pernah selesai.

Kerajaan terus komited untuk memastikan setiap segmen masyarakat mendapat manfaat daripada kemakmuran ekonomi negara tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi atau lokasi geografi. Pada masa ini, terdapat jurang antara harga pasaran rumah dengan harga yang mampu dibeli oleh rakyat. Bagi meningkatkan akses kepada rumah mampu milik, Kerajaan akan memperkemas dan mempercepat pembangunan rumah mampu milik di lokasi strategik termasuk bagi Program Rumah Mesra Rakyat, Residensi Wilayah dan Program Perumahan Rakyat. Selain itu, inisiatif progresif akan diteruskan di bawah Dasar Perumahan Negara (2018 – 2025) yang menggariskan parameter khusus berkaitan bekalan perumahan terutamanya rumah mampu milik. Kerjasama strategik dengan institusi kewangan akan diperkukuh untuk menyediakan skim pembiayaan yang menarik, fleksibel dan inovatif. Di samping itu, program pembiayaan perumahan sedia ada perlu dikaji semula bagi memastikan penyelesaian perumahan yang mampan untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana bagi memperoleh kediaman mampu milik.

Sektor pengangkutan dan logistik yang cekap penting bagi meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan melalui pengukuhan kesalinghubungan selaras dengan matlamat Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, Kerajaan komited untuk membangunkan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang mampan, bersepadu, selamat, boleh dipercayai dan pada harga berpatutan. Infrastruktur yang mantap tersebut bukan sahaja dapat memudahkan mobiliti dengan lancar tetapi juga menggalakkan mod pengangkutan yang bersih, mudah dan cekap serta dapat beradaptasi dengan perubahan iklim. Di samping itu, ketersediaan infrastruktur bertaraf dunia seperti lapangan terbang, pelabuhan, lebuh raya dan landasan kereta api dapat

mempertingkatkan lagi daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan. Justeru, kualiti pengangkutan dan infrastruktur logistik perlu ditambah baik kerana kemudahan tersebut menjadi asas kepada kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang.

Selaras dengan komitmen untuk mewujudkan persekitaran yang berdaya huni, penyediaan kemudahan asas akan diberikan penekanan bagi menyediakan infrastruktur yang berkualiti tinggi, mengutamakan wanita, mesra orang kurang upaya dan menyokong warga emas. Usaha ini termasuk memastikan akses kepada bekalan air bersih dan tenaga khususnya kawasan luar bandar di Kelantan, Sabah dan Sarawak. Aktiviti penyelenggaraan secara berkala dan menaik taraf akan dilaksanakan bagi menjamin keselamatan dan perlindungan infrastruktur awam. Di samping itu, usaha bagi memperluas capaian internet mampu milik akan diteruskan.

Usaha juga akan dipergiat untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi bagi menjana pekerjaan bergaji setimpal. Strategi untuk mempercepat automasi dan penggunaan teknologi canggih dalam proses pengeluaran akan diperkukuh untuk meningkatkan produktiviti. Sementara itu, semakan semula gaji minimum yang dijangka dapat meningkatkan pendapatan pekerja bergaji rendah mencerminkan komitmen berterusan ke arah pampasan pekerja yang lebih tinggi dan adil. Selain itu, majikan perlu menyedari bahawa penawaran kadar gaji yang lebih tinggi dapat memangkin pertumbuhan produktiviti³ perniagaan, meningkatkan penglibatan rakyat tempatan dalam pekerjaan 3D dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Kesemua langkah tersebut bertujuan untuk meningkatkan pendapatan seterusnya memperkasakan tenaga kerja dan menambah baik mobiliti sosial.

³ Analisis oleh EU-ERA pada 2022 menunjukkan bahawa peningkatan upah boleh mewujudkan kitaran positif iaitu upah yang lebih tinggi boleh meningkatkan produktiviti. Setiap satu peratus peningkatan upah akan meningkatkan produktiviti buruh sebanyak 2.2% berbanding setiap satu peratus peningkatan produktiviti buruh hanya akan meningkatkan upah sebanyak 0.2%.

Tumpuan 3: Tata Kelola Terbaik Demi Ketangkasan Penyampaian Perkhidmatan

Ekosistem tata kelola yang berkesan berteraskan prinsip kecekapan, integriti dan ketelusan, memerlukan komitmen bersepadu daripada semua pihak berkepentingan. Oleh itu, inisiatif di bawah Belanjawan 2024 akan memberi tumpuan kepada pembaharuan ekosistem seperti memperkukuh institusi parlimen dan perundangan; penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kerajaan; memperkukuh ketahanan sosial; memastikan kemampuan kewangan; menambah baik perundangan dan mengoptimalkan penyampaian perkhidmatan awam.

Pada peringkat institusi, objektif utama proses penyampaian perkhidmatan bertujuan memperkukuh elemen demokratik dengan mengintegrasikan proses perundangan awam secara sistematik, menyediakan saluran komunikasi yang telus dan melaksanakan audit kualiti yang terperinci. Inisiatif tersebut akan meningkatkan kesedaran awam mengenai dasar baharu dan sedia ada di samping mendapatkan sokongan daripada semua pihak berkepentingan dan orang awam untuk turut terlibat dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar. Selain itu, tumpuan khusus akan diberikan untuk melindungi dan memperkasakan hak kanak-kanak sejajar dengan komitmen antarabangsa di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-kanak. Sementara itu, usaha akan diambil untuk meningkatkan kefahaman rakyat mengenai institusi perundangan dan kehakiman negara bagi memudahkan akses kepada perkhidmatan bantuan guaman terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Menyedari peranan penting perlindungan sosial dalam meningkatkan daya tahan masyarakat, Kerajaan komited untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pelbagai agensi pelaksana melalui Pangkalan Data Utama (PADU) sebagai repositori data sosioekonomi negara. Strategi ini penting bagi menyokong pengagihan bantuan sosioekonomi

dan subsidi bersasar secara telus dan cekap dalam membasmi kemiskinan seterusnya meningkatkan sistem perlindungan sosial dalam kalangan masyarakat.

Dasar fiskal yang berkesan memerlukan pendekatan pengurusan fiskal yang proaktif dan holistik merangkumi langkah fiskal berhemat, struktur institusi dan tata kelola yang boleh dipercayai serta pelaporan yang telus. Justeru, dasar fiskal Kerajaan bertujuan untuk memperkukuh kewangan awam dan membina semula penampakan fiskal bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal dengan menguatkuasakan FRA, meningkatkan mobilisasi hasil, meluaskan asas cukai, mengoptimalkan perbelanjaan secara berkesan dan menggubal Akta Perolehan Kerajaan.

Usaha mempertingkatkan tata kelola melalui asas etika yang kukuh serta memupuk akauntabiliti, ketelusan dan integriti dalam kalangan penjawat awam penting bagi penyampaian perkhidmatan demi kepentingan negara. Seperti yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023, Kerajaan akan terus berusaha memerangi rasuah terutamanya dengan memperkukuh kedaulatan undang-undang, menyusun semula perkhidmatan awam, membudayakan konsep tata kelola baik dan integriti dalam persekitaran perniagaan.

Bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, usaha perlu diambil untuk menambah baik budaya inovasi, libat urus awam secara aktif, kerjasama antara agensi dan kepimpinan secara berkesan. Usaha akan ditumpukan kepada menyelaraskan fungsi dan peranan agensi, memperkasakan tata kelola, mengurangkan birokrasi, memperkukuh akauntabiliti, menggalakkan ketelusan dan meningkatkan kepercayaan awam. Selain itu, Belanjawan 2024 akan memperkasakan Pasukan Petugas Khas Pembaharuan Agensi (STAR) bagi meneruskan usaha meningkatkan kecekapan proses kerja dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan kementerian dan agensi.

Kerajaan kekal komited ke arah melaksanakan transformasi digital melalui proses perkeayasaan semula seperti yang ditunjukkan melalui pelaksanaan *Government Technology* (GovTech). Perkhidmatan awam yang berpaksikan rakyat, tersedia, cekap, telus dan mesra pengguna merupakan penggerak utama kepada pendekatan strategik tersebut. Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada inisiatif identiti digital tunggal yang memudah cara pengesahan sendiri dan pengenalan diri melalui perkhidmatan dalam talian. Aspirasi ini akan memperkukuh komitmen Kerajaan terhadap tata kelola yang berkesan dan pengagihan sumber secara berhemat.

Kesimpulan

Asas ekonomi negara yang kukuh disokong oleh strategi dan program seperti yang digariskan dalam Belanjawan 2024 akan terus memacu momentum pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan antara 4% hingga 5% pada 2024. Justeru, kerangka Ekonomi MADANI yang

bertujuan untuk bersama membina Malaysia yang lebih baik memerlukan komitmen dan dedikasi yang menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan untuk merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi dan aspirasi negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan memudah cara peralihan industri dan pertumbuhan produktiviti melalui penggubalan dasar yang berasaskan bukti dan penyediaan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Belanjawan 2024 akan memberikan keutamaan kepada inisiatif untuk membangunkan generasi masa hadapan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada kecekapan pelaksanaan inisiatif dan program melalui pemeraksanaan tata kelola yang baik dan memperkukuh ketangkasan penyampaian perkhidmatan awam. Secara keseluruhan, pelaksanaan pendekatan seluruh negara akan meningkatkan daya saing dan memelihara kekayaan negara yang seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat ke arah negara yang mampan, makmur dan berpendapatan tinggi.

Rujukan

- Abdul Hamid, H., & Szali, N. T. (2020). *Shrinking "salariat" and growing "precariat"? Estimating informal and non-standard employment in Malaysia*. Khazanah Research Institute, Discussion Paper 10/20. <https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/200810%20Informal%20Employment.pdf>
- Abu Rahim, M. A. R., & Suhaimi, S. A. (2022). *Fresh graduate adversities: A decade's insight on the Graduate Tracer Study*. Khazanah Research Institute, Working Paper 6/22.
- AlphaBeta. (2021). *Positioning Malaysia as a regional leader in the digital economy: The economic opportunities of digital transformation and Google's contribution*. <https://accesspartnership.com/wp-content/uploads/2023/03/Malaysia-Digital-Transformation.pdf>
- Asian Development Bank. (2019). *The social protection indicator for Asia: Assessing progress*. <http://dx.doi.org/10.22617/TCS190257-2>
- Azahar, S. (2020, Oktober 2). *Make full use of the gig economy incentives*. EMIR Research. <https://www.emirresearch.com/make-full-use-of-the-gig-economy-incentives/>
- Bank Negara Malaysia. (2015). *Musarakah*. <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Musarakah.pdf/e99baaa9-d7cd-a61f-8d0a-9c9f2521dd4d?t=1592218252160>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Laporan Tahunan BNM 2018*. <https://www.bnm.gov.my/-/bnm-annual-report-2018>
- Bank Negara Malaysia. (2023a). *Kaji selidik keupayaan dan rangkuman kewangan dari segi permintaan bagi tahun 2021*. Dalam *Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/8440087/fsr22h1_bm_box1.pdf
- Bank Negara Malaysia. (2023b). *Tinjauan kestabilan kewangan separuh kedua tahun 2022*. <https://www.bnm.gov.my/publications/fsr2022h2>
- Bernama. (2023a, Jun 1). *Jendela Phase 1 implementation successful, exceeds targets: MCMC*. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/915714/jendela-phase-1-implementation-successful-exceeds-targets-mcmc>
- Bernama. (2023b, Jun 20). *Govt gives AP182 exemption to ministries/agencies with immediate effect*. Kementerian Kewangan. <https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-citations/govt-gives-ap182-exemption-to-ministries-agencies-with-immediate-effect>
- Bernama. (2023c, Julai 3). *Perluas Projek Bitara Madani, tingkat kualiti penyampaian perkhidmatan awam*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/07/perluas-projek-bitara-madani-tingkat-kualiti-penyampaian-perkhidmatan-awam-pm-anwar/>
- Bernama. (2023d, Julai 31). *BNM, bank, agensi kerajaan kerjasama tangani penipuan dalam talian*. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/07/993836/bnm-bank-agensi-kerajaan-kerjasama-tangani-penipuan-dalam-talian>
- Bernama. (2023e, September 7). *Rasuah: NACS kesinambungan NACP*. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rasuah-nacs-kesinambungan-nacp-436319>

- Cheng, C. (2017, Disember 19). *Cash programmes and poverty alleviation*. Institute of Strategic & International Studies Malaysia. <https://www.isis.org.my/2017/12/19/cash-programmes-and-poverty-alleviation/>
- Economist Intelligence Unit. (2022). 2023 risk outlook assessment: *Ten risk scenarios that could reshape the global economy*. <https://www.eiu.com/n/campaigns/risk-outlook-2023/>
- Gibson, J., & McKenzie, D. (2010). *The economic consequences of "brain drain" of the best and brightest: Microeconomic evidence from five countries*. The Institute for the Study of Labor (IZA), Discussion Paper, 5124. <https://docs.iza.org/dp5124.pdf>
- Goh, E., & Omar, N. (2019, Disember 18). *Pekerjaan gig: Kerja sampingan atau kerja tetap? Bahagian 1: Realiti komitmen masa kerja 'gig'*. The Centre. <https://www.centre.my/post/gig-work-main-job-or-side-hustle>
- Gunasekaran, P. (2020, Oktober 7). Towards an agile public service. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2020/10/630176/towards-agile-public-service>
- Güvenen, F., Karahan, F., Ozkan, S., & Song, J. (2019). *What do data on millions of U.S. workers reveal about life-cycle earnings dynamics?* Federal Reserve Bank of New York Staff Reports, 710. https://www.newyorkfed.org/medialibrary/media/research/staff_reports/sr710.pdf
- Harun, H. N. (2023, Jun 22). Fahmi: Government to amend new data, cybersecurity laws for Malaysia to become Asian digital hub. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/923029/fahmi-government-amend-new-data-cybersecurity-laws-malaysia-become-asian>
- International Institute for Management Development. (2023). *World competitiveness ranking*. <https://www.imd.org/centers/wcc/world-competitiveness-center/rankings/world-competitiveness-ranking/2023/>
- Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh, Kementerian Sumber Manusia. (2019a). *What do Malaysians who work in Singapore do with their earnings?*
- Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh, Kementerian Sumber Manusia. (2019b). *A study on Malaysians working in Singapore (Phase 2)*.
- International Labour Organization. (2021). *World social protection report 2020–22: Social protection at the crossroads – in pursuit of a better future*. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_protect/---soc_sec/documents/publication/wcms_817572.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022a, Oktober 4). *Laporan Survei Gaji & Upah, Malaysia, 2021*. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/salaries-&-wages-survey-report-malaysia-2021>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022b). *Statistik Siswazah 2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023a). *Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2018-2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023b). *Harga Pengguna*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023c). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023d). *Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022*.

- Jayabalan, P., Ibrahim, R., & Manaf, A. A. (2014). Understanding Cybercrime in Malaysia: An Overview. *Sains Humanika*, 2(2), 109–115. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/424/387>
- Kementerian Ekonomi. (2022). *National Energy Policy, 2022 – 2040*. https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2022-09/National%20Energy%20Policy_2022_2040.pdf
- Kementerian Ekonomi. (2023a). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025. Malaysia MADANI: Mampan, sejahtera, berpendapatan tinggi*. https://rmke12.ekonomi.gov.my/ksp/storage/fileUpload/2023/09/2023091133_dokumen_utama_ksp_rmke_12.pdf
- Kementerian Ekonomi. (2023b). *National Energy Transition Roadmap*. <https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-08/National%20Energy%20Transition%20Roadmap.pdf>
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2018). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020: Keutamaan dan penekanan baharu*. <https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-08/Kajian%20Separuh%20Penggal%20RMK11.pdf>
- Kementerian Kewangan. (2022). *Prinsip tadbir urus baik bagi syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan*. <https://www.mof.gov.my/portal/pdf/pgg/Booklet-PGG-2022.pdf>
- Kementerian Kewangan. (2023). *Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023)*. <https://www.mof.gov.my/portal/pdf/arahan-perbendaharaan/ap2023/>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. (2023). *New Industrial Master Plan 2030*. <https://www.nimp2030.gov.my/>
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2023). *Belanjawanku: Panduan belanjawan untuk individu dan keluarga di Malaysia: Lembah Klang & bandar-bandar pilihan 2022/2023*. <https://www.kwsp.gov.my/documents/20126/142907/Belanjawanku+2022-2023+-+BM.pdf/>
- Malay Mail. (2023, Jun 1). MCMC COO: JENDELA will roll out its Phase 2 later this year. *Malay Mail*. <https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-clippings/mcmc-coo-jendela-will-roll-out-its-phase-2-later-t>
- Merttens, F., Hurrell, A., Marzi, M., Attah, R., Farhat, M., Kardan, A., & MacAuslan, I. (2013). Kenya hunger safety net programme monitoring and evaluation component. *Impact Evaluation Final Report. Oxford Policy Management*.
- Ministry of Manpower, Singapore. (2023). Median monthly basic and gross wages of selected occupations within each major occupational group by industry, June 2022. Dalam Table: *Occupational wages 2022*. <https://stats.mom.gov.sg/Pages/Occupational-Wages-Tables2022.aspx>
- Mohamed Firouz, A. M. (2023, Januari 6). *A new vision for social protection in Malaysia*. Khazanah Research Institute. https://www.krinstitute.org/Views-@-A_New_Vision_for_Social_Protection_in_Malaysia.aspx
- Mutalib, H. (2022, Julai 31). 72.1% lepasan SPM tidak sambung belajar. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/07/72-1-lepasan-spm-tidak-sambung-belajar/>
- Muthusamy, N., Khalidi, J. R., & Abdul Rahim, M. A. R. (2023). *The returns to Malaysian labour - Part 1: Wage growth and inequality from 1995 to 2019*. Khazanah Research Institute, Working Paper 3/23. https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Working%20Paper_The%20Returns%20to%20Malaysian%20Labour%20-%20Part%20I.pdf

- Naval, A. (2023, April 12). The global economic landscape: Trends and insights for the future. *LinkedIn*. <https://www.linkedin.com/pulse/global-economic-landscape-trends-insights-future-naval-abbas>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2022). *Social Expenditure Database (SOCX)*. <https://www.oecd.org/social/expenditure.htm>
- Parliament of Australia. (2002). Income support arrangements. Dalam *Chapter 5 - Income support. A hand up not a hand out: Renewing the fight against poverty. Report on poverty and financial hardship*. https://www.aph.gov.au/parliamentary_business/committees/senate/community_affairs/completed_inquiries/2002-04/poverty/report/c05
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2023a, Julai 27). *Teks ucapan Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/07/teks-ucapan-ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2023b). *Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat*. <https://www.pmo.gov.my/ms/membangun-malaysia-madani-2/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat/>
- Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia. (2023). *MEF salary survey for executives and non executives 2022*.
- Povera, A. (2023, Jun 15). New law to boost cybersecurity. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/920589/new-law-boost-cybersecurity>
